

Tarikan muzium
baharu di Selangor

4

40 pesawat dalam
pameran udara

5

360 usahawan terima
latihan e-dagang

7

Barangan PKPS
berkualiti

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 7 - 13 SEPTEMBER 2023

www.selangorkini.my

Kukuh perpaduan, fitnah bawa punah

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah seluruh rakyat harus bentuk perpaduan dan elak sebar kebencian atau fitnah yang boleh ganggu-gugat keamanan demi kekalkan kesejahteraan negara dan kemakmuran ekonomi

MUKA 2

Bimbing usahawan jana RM1 juta

Agensi negeri perkenal program latihan intensif selama tiga bulan secara percuma untuk bimbing usahawan e-dagang dalam pelbagai sektor dan lonjakan jualan produk seterusnya memberi pulangan lumayan

MUKA 6



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan cek cura kepada Mohd Asrul Halim Ahmad, cicit saudara Leftenan Adnan Saidi sempena penganugerahan Tokoh Kemerdekaan Negeri Selangor ketika sambutan Hari Kebangsaan ke-66 di Shah Alam pada 30 Ogos 2023. Foto FIKRI YUSOF



PAMERAN PENERBANGAN SELANGOR
7 - 9 SEP 2023

SKYPARK REGIONAL AVIATION CENTRE, SELANGOR, MALAYSIA



www.selangoraviationshow.com

@selangoraviationshow @selAviationshow



MB saman Sanusi kes Sungai Klang

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar memfail saman terhadap Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berikutan fitnah terhadap projek pembangunan Sungai Klang.

Dato' Seri Amirudin Shari selaku plaintif memfailkan saman itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini pada 30 Ogos dengan menamakan pemimpin PAS itu sebagai defendan, lapor Bernama.

Pada 9 Ogos, beliau memfail notis menuntut Sanusi membuat permohonan maaf dalam tempoh 48 jam susulan kenyataan fitnah dalam program di Jitra, Kedah awal bulan lalu.

Pengerusi Pakatan Harapan Selangor itu menuntut ganti rugi, am, teruk dan teledan yang tidak dinyatakan, serta perintah injunksi untuk menghalang Sanusi mengulangi dakwaan berkenaan.

Peguam plaintif, Haijan Omar mengesahkan pemfailan saman tersebut selain memaklumkan mahkamah menetapkan 3 Oktober untuk pengurusan kes.

Tanam 200,000 pokok setahun

KUALA LANGAT - Selangor menanam lebih 200,000 pokok setiap tahun bagi menyokong Kempen Penanaman 100 juta Pokok Menjelang 2025 anjuran kerajaan persekutuan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu bagi memastikan kehijauan negara terpelihara sekali gus mencapai hasrat 54 peratus kawasan Malaysia dihijaukan.

Beliau juga berbesar hati berikutan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah kerap mencemar duli menyertai program tanam pokok.

Amirudin ditemui selepas merasmikan program Fit Malaysia Selangor 2023 di Gamuda Cove Central Park di sini pada 2 September.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Leftenan Adnan Tokoh Kemerdekaan

SHAH ALAM - Pahlawan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Leftenan Adnan Saidi dinobatkan sebagai Tokoh Kemerdekaan Selangor dalam sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri pada tahun ini.

Mohd Asrul Halim Ahmad, 39, cicit saudara kepada tokoh tersebut, menerima trofi dan wang tunai RM10,000 yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Kini berkhidmat di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), beliau mengakui terharu berikutan Kerajaan Selangor memberi pengiktirafan tersebut kepada moyang saudaranya itu.

"Ini pertama kali atuk saya diberi

anugerah atas jasanya. Rasa puas dan bangga mewakili beliau untuk terima anugerah ini.

"Saya pula dipilih oleh keluarga untuk terima anugerah ini kerana wajah saya mirip Allahyarham atuk saya," katanya yang membahaskan tokoh itu sebagai atuk ketika ditemui selepas sambutan Ambang Merdeka pada 30 Ogos.

Mohd Asrul berharap pengiktirafan tersebut menyemarakkan semangat juang kepada keluarga dan orang ramai untuk mempertahankan kedamaian yang dikecapi negara.

"Atuk saya sangat menekankan dalam apa jua cabaran dalam kehidupan dihadapi prinsipnya 'biar putih tulang

jangan putih mata'.

"Keberanian atuk saya yang berjuang habis-habisan menentang tentera Jepun hingga ke titisan darah terakhir akan terus dikenang sampai bila-bila.

Beliau juga berharap generasi muda menghayati kisah perjuangan dan pengorbanan Leftenan Adnan kerana cabaran dalam mempertahankan kemerdekaan lebih sukar daripada mencapainya.

Anak kelahiran Sungai Ramal di Kajang itu dibunuh tentera Jepun di Bukit Candu, Singapura pada 1942 ketika mempertahankan tanah air ketika Perang Dunia Kedua.

Amalan fitnah gugat keamanan

Titah rakyat kekal perpaduan

Oleh **AFFEEQA AFEERA & NORRA-SYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor bertitah rakyat harus menzahir semangat patriotisme dalam bentuk perpaduan dan keharmonian demi kesejahteraan masyarakat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga mengingatkan kepentingan menghayati erti sebenar kemerdekaan dengan menyemai rasa cinta dan sayang dalam jiwa semua kaum di negara ini.

"Baginda mahu semangat ini dizehir dalam bentuk perpaduan yang jitu dan keharmonian yang utuh demi mengekalkan kemakmuran ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

"Titah Baginda, apabila sekalian rakyat menjulang erti sebenar hidup dalam suasana merdeka dan bersatu padu, maka tidak akan ada lagi mana-mana pihak atau kaum tergamak menyebarkan kebencian dan fitnah yang boleh mengganggu-gugat keamanan," menurut kenyataan Selangor Royal Office di Facebook pada 30 Ogos.

Baginda bersama DYMM Tengku Permaisuri Tengku Permaisuri Norashikin bertitah demikian sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-66 bertema Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.

Sementara itu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengajak segenap lapisan rakyat menolak tohmahan pihak tidak bertanggungjawab demi memastikan negara terus kukuh.

Menjadikan kisah Hang Tuah dan Hang Jebat sebagai contoh, Amirudin

berkata seluruh rakyat perlu menolak tohmahan pihak tidak bertanggungjawab demi memastikan negara terus kukuh.

"Negara dan negeri menjadi punah dan ranap sebab fitnah. Marilah kita bersatu-padu menolak fitnah yang bertebaran.

"Kita bawa kebenaran dan lahirkan masyarakat beradab, hormat agama Islam, pimpinan, raja berpelembagaan dan Rukun Negara," katanya dalam sambutan Ambang Merdeka pada 30 Ogos.

Beliau juga percaya negara mampu berdepan pelbagai cabaran ekonomi jika seluruh rakyat mengamalkan kesepakatan dan bersatu-padu.

"Hanya perpaduan dapat mengukuhkan kita. Sempena berakhirnya pilihan raya negeri, ini masa bersatu sebab cabaran luar sangat besar," katanya.

Kerja baik pulih stadium ikut jadual

KUALA LANGAT - Projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) seluas 76.08 hektar berjalan mengikut jadual, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Bakal membuat pengumuman dalam masa terdekat, beliau menjelaskan beberapa perkara sedang dimuktamad.

"Kita baru selesai mesyuarat dan ada beberapa langkah-langkah susulan yang harus dibuat. Tahun ini akan bermula paling tidak untuk operasi perobohan," katanya pada 2 September.

Beliau ditemui selepas merasmikan Fit Malaysia Selangor 2023 di Gamuda Cove Central Park di sini, pada 2 September yang disertai 11,000 peserta.

Program itu melibatkan pelbagai acara antaranya berjalan santai, larian lima kilometer, trail ride, senamrobik, cabaran lompat tali selain 14 aktiviti kecergasan berbentuk pertandingan.

Sebelum ini, Amirudin berkata projek pembangunan KSSA akan bermula pada Oktober.

Pembangunan semula KSSA dibuat berikutan kos baik pulih dianggarkan melan belanja RM787 juta. Sebanyak

RM56 juta digunakan bagi menyelenggara dan membaiki kerosakan antara 2013 hingga 2022.

Ciri-ciri kompleks baharu itu seperti berikut:

- stadium bertaraf antarabangsa
- kapasiti 35,000 ke 45,000 penonton
- ambil kira penyuraian aliran trafik
- hubung pengangkutan awam seperti LRT
- atasi kemungkinan banjir
- boleh berfungsi kendali pelbagai acara, termasuk konsert

Wawasan Madani penting dan cocok untuk dunia kini

Oleh M. DIN SYAMSUDDIN

WAWASAN Madani bukanlah suatu wawasan baru, tetapi sudah ada sejak masa awal Islam, iaitu pada zaman Rasulullah SAW dan berkembang dalam lintasan sejarah dengan berbagai improvisasi dan modifikasi.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi pemaknaan penting. Beliau meletakkan landasan filosofikal dan mengajukan kerangka operasional.

Apa yang lebih penting dalam Wawasan Madani baru daripada Anwar terdapat upaya pemaduan antara masyarakat dan negara dan penghimpunan semua lapisan masyarakat serta sektor kehidupan/pembangunan negara.

Wawasan Madani sudah ada sejak masa awal Islam dan menjadi cita-cita sosial Islam. Pembawa Agama Islam, Nabi Muhammad SAW setelah hijrah ke Yatsrib, yang semula jadi merupakan fenomena pendesaan (rural phenomenon) mengubahnya menjadi al-Madinah yang merupakan fenomena perkotaan (urban phenomenon).

Dalam masa singkat, Nabi Muhammad SAW berhasil membangunkan suatu tatanan ideal iaitu al-umah dan al-madinah.

Yang pertama merupakan peranti lunak (software) dan yang kedua merupakan peranti keras (hardware). Kedua-dua hal ini membentuk madani menurut Islam, iaitu al-umah dan al-Madinah.

Umah, sebagai dimensi esoterik adalah komuniti yang mempunyai kesamaan keyakinan dan tujuan, serta berasaskan pada nilai-nilai persamaan (al-musawah), keadilan (al-'adalah), dan permusyawaratan (al-syura).

Sedangkan Madinah, sebagai dimensi eksoterik merupakan penjelmaan dari daya cipta warga masyarakat.

Dalam bentuk peradaban atau tamadun maju, masyarakat Nabawi ini adalah masyarakat majmuk yang hidup berdampingan secara damai dalam budaya saling menghormati, saling mempercayai dan bekerjasama serta membangunkan kehidupan bersama untuk mewujudkan cita-cita bersama.

Konsep dan visi

Wawasan Madani Nabawi pada masa pasca Nabi Muhammad SAW, dikembangkan oleh para ulama dengan berbagai konsep dan visi sesuai dengan konteks sosial budaya dan politik yang ada.

Mereka mengajukan cita-cita beragam. Para fukaha mengajukan konsep "Negara Sejahtera" dengan tujuan hidup bermasyarakat untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat (sa'adat al-darain).

Para filosof, seperti Al-Farabi mengajukan konsep Negara Utama iaitu negara dan masyarakat yang memperoleh keutamaan kerana berpegang teguh pada nilai-nilai etika dan moral kebaikan.

Kumpulan filosof yang menamakan diri Al-Ikhwan al-Safa' mengajukan teori lain iaitu al-Madinat al-Fadilat al-Ruhaniyah (Negara Utama Rohaniah). Ibnu Khaldun mengajukan teori umran iaitu suatu tatanan masyarakat yang bekerjasama dalam mewujudkan kemajmuran bersama.

Pada zaman moden, konsep ummah dikembangkan menjadi masyarakat konstitusional, iaitu masyarakat yang berpegang teguh pada konstitusi sebagai kesepakatan warga negara.

Muhammad Abduh menambahkan tiga asas ummah (al-musawah, al-'adalah, al-shura) dengan asas keempat iaitu al-qanun atau konstitusi.

Asas keempat dari ummah ini menunjukkan bahawa pada era Negara Bangsa (nation state) kaum Muslimin



hidup di suatu negara sebagai satu kesepakatan bersama kelompok-kelompok lain dalam sebuah bangsa majmuk.

Baik sebagai kumpulan majoriti mahu pun minoriti, kaum Muslimin hidup berdampingan secara damai dalam persatuan dan kesatuan membangun negara.

Pada latar kaum Muslimin, sebagai kumpulan majoriti dan apalagi Islam menjadi agama rasmi negara, adalah menjadi kewajiban syarie dan rasional pemerintahan muslim membangun tatanan (aturan) masyarakat atas asas Wawasan Madani.

Dalam kaitan inilah Wawasan Malaysia Madani Perdana Menteri memiliki relevansi, apresiasi dan obsesi.

Wawasan Madani yang digagas oleh Anwar untuk Malaysia (Malaysia Madani) menarik untuk dibahasakan.

Maksud Madani

Pertama, walaupun kepanjangan dari istilah MADANI (kemaMpanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan lhsan) terasa dipaksakan, namun makna daripada kata-kata itu dapat difahami.

Keenam-enam kata yang menjadi penjelasan konsep Madani adalah nilai-nilai etika yang berhubungan dengan makna madani dalam bahasa asal iaitu Bahasa Arab. Dalam Bahasa Arab, kata "madani" mengandungi erti maju, dan kerana ia berhubungan dengan kata "tamadun" yang sinonim dengan kata Bahasa Inggeris "civilization" atau dalam Bahasa Melayu "peradaban", maka kata "madani" dan "tamadun" memiliki akar kata yang sama dengan kata "Madinah".

Maka Wawasan Madani dapat difahami sebagai visi untuk mewujudkan tamadun atau peradaban tinggi (high civilization).

Kedua, keenam-enam kata itu juga sekali gus sebagai nilai kepada Madani (juga enam kata/nilai pada konsep SCRIPT: Sustainability, Care and compassion, Respect, Innovation, Prosperity, Trust merupakan nilai-nilai etika

untuk kemajuan, keunggulan dan kejayaan.

Ketiga, pada Wawasan Malaysia Madani dapat difahami adanya suatu visi besar ke depan iaitu kemajuan, keunggulan dan kejayaan Malaysia.

Hal ini lebih jelas tersurat dan tersirat pada Visi Perdana Menteri seperti mana yang tertulis dalam SCRIPT for a Better Malaysia, An Empowering Vision and Policy Framework for Action (Institut Darel Ehsan, 2022, page 23) bahawa Our Vision: To build a sustainable and prosperous Malaysia based on care and compassion, mutual respect, innovation, and trust, where inclusiveness and equality is embraced by the whole nation - ultimately a just Malaysian society.

Dalam kaitan ini, visi Anwar untuk Malaysia adalah lebih dari sekadar a welfare state (Negara Kesejahteraan), tetapi sebagai a just state (Negara Keadilan), atau Negara Kesejahteraan dan Negara Keadilan sekali gus.

Keempat, wawasan sedemikian adalah bersifat Islami dan sejalan dengan Negara Madani. Tentu paradigma etika Negara Madani tersebut mencakupi nilai-nilai etika yang ada dalam al-Ummah dan al-Madinah (dua peranti dan dua dimensi daripada Cita-Cita Sosial Islam) iaitu persamaan, keadilan, permusyawaratan, selain kemajuan, keunggulan dan kejayaan.

Yang kelima, akan mudah difahami oleh masyarakat global jika Wawasan Madani dijabarkan (dijelaskan) ke dalam paradigma etika derivatif berupa nilai-nilai dasar, baik yang bersifat sentral mahupun instrumental.

Untuk kepentingan praktis, kata Madani dapat juga diajukan kepanjangan baharu seperti Maju, Aman, Damai, Adil, Nikmat, dan Indah. Atau apakah ada kepanjangan lain?

Prof. Dr. M. Din Syamsuddin
ialah Guru Besar Politik Islam Global, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Agih RM480 juta bantuan zakat

SHAH ALAM - Hampir RM480 juta zakat diagih kepada asnaf, fakir dan miskin di negeri ini dalam tempoh enam bulan, kata Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Agihan antara Januari hingga Jun disampaikan kepada penerima antaranya dalam bentuk bantuan bulanan, pendidikan, kecemasan serta pelbagai kaedah lagi.

"Walau sekecil RM10 anda tunaikan zakat, manfaatnya besar kepada saudara yang kurang berkemampuan," menurut kenyataan di Facebook pada 30 Ogos.

LZS mempelawa orang ramai untuk menunaikan zakat dengan melayari laman sesawang fpx.zakatselangor.com.my

Tahun lalu, LZS meraih kutipan zakat tertinggi mencecah RM1.07 bilion serta mengagih RM1.05 bilion yang memberi manfaat kepada lebih 350,000 individu asnaf.

Daripada jumlah tersebut, majoriti disalurkan kepada institusi sosial, pendidikan dan agama.

Baiki jalan siap bulan ini

SHAH ALAM - Kerja membaiki pulih jalan di seluruh negeri menerusi Projek Turapan Mega yang menelan kos RM50 juta sejak Mei diteruskan ke Sepang, menurut Infracel Sdn Bhd (Infracel).

Dalam kenyataannya, syarikat selenggara jalan negeri itu menyatakan kerja membaiki dan menurap semula laluan di Jalan Marmu, Sepang selesai pada 1 September.

Projek baik pulih di Kuala Langat, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Hulu Selangor, Gombak dan Petaling telahpun selesai.

Pada Ogos, Eksekutif Operasi Infracel Abdullah Hanif Abd Ghalib memaklumkan pelaksanaan 93 projek menaik taraf jalan besar-besaran di seluruh negeri mencapai 86 peratus.

Beliau menjelaskan kerja pembaikan tersebut dijangka selesai pada bulan ini dengan mengambil kira aduan orang awam.

Sebelum ini, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memaklumkan kerja turapan jalan rosak dilaksana secara besar-besaran di sembilan daerah meliputi jarak 94.9 kilometer (km).

Katanya, projek melibatkan 118 jalan merangkumi jalan pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta pejabat daerah dan tanah.

Bantuan tunai buat mangsa kebakaran

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyampaikan sumbangan tunai RM20,000 kepada 10 keluarga mangsa kebakaran tiga lokasi sekitar Kajang dan Semenyih.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporatnya Ahmad Azri Zainal



Nor berkata bantuan RM2,000 untuk setiap keluarga sebagai tanda keprihatinan negeri terhadap mangsa.

"Ujian dan dugaan ini bukan hanya untuk ditanggung mereka sendirian tetapi bersama Kerajaan Negeri serta MBI yang sentiasa bersedia membantu.

"MBI mendoakan kesejahteraan dan keselamatan buat mangsa yang terlibat dalam kebakaran ini. Semoga urusan mereka dipermudahkan," katanya pada 30 Ogos.

Seramai lapan keluarga di Taman Sri Jelok, Kajang dan masing-masing satu di Taman Desa Semenyih serta Pangsapuri Seri Permai, Semenyih menerima sumbangan berkenaan.

Tarikan terbaharu

Muzium lombong bijih dibuka 2024

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Kerja mengubah suai kapal korek terbesar menjadi muzium perlombongan biji timah di Dengkil yang dijadual dibuka pada tahun depan giat dijalankan.

EXCO kebudayaan percaya muzium tersebut bakal menjadi tarikan baharu pelancongan, lebih-lebih lagi lokasinya strategik iaitu berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Kapal korek ini terbesar dan ada satu sahaja di dunia. Ini antara usaha Kerajaan Selangor untuk melonjakkan industri pelancongan," kata Borhan Aman Shah pada 4 September.

Beliau juga menambah pihaknya turut memohon peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian

dan Kebudayaan bagi menayakan hasrat tersebut.

Jun tahun lalu, Kerajaan Negeri memperoleh kapal korek seberat 6,000 tan, antara terbesar di dunia melalui Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

Dalam perkembangan lain, Borhan menegaskan kebudayaan dan kesenian penting berikutan sektor itu banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk Selangor.

"Selain tarikan seperti taman rimba, pantai atau tempat bersejarah, pelancongan seni dan budaya Selangor turut diperkenalkan kepada pelancong luar dan domestik," katanya.

Pada 14 Februari, Borhan memaklumkan Selangor akan memiliki lima



muzium yang sedang dibina dan siap dalam tempoh terdekat.

Ia memabatkan Muzium Setem, Muzium Sukan, Muzium Tekstil, Selangor Art Gallery dan Muzium Perlombongan Kapal Korek.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) juga giat melaksanakan kerja naik taraf serta baik pulih Muzium Negeri (Muzium Sultan Alam Shah) yang dijangka siap akhir tahun ini.

Beliau turut berharap PADAT mengikut garis panduan International Conference of Museum atau (ICOM) bagi memainkan peranan dengan lebih berkesan dan pengurusan yang optimum.

LUAS kesan premis lepas sisa cemar

SHAH ALAM - Pemilik dua premis masing-masing di Bangsar, Kuala Lumpur dan Kampung Jawa, Klang berdepan kompaun maksimum sehingga RM25,000 atas kesalahan melepaskan bahan pencemar tanpa lesen.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan notis kompaun kesalahan mengikut Seksyen 59 (1) (b) Enakmen Luas 1999 diserahkan di

kedua-dua premis pada 28 Ogos.

"Premis terbabit dikesan menjalankan kerja tanah atau pembangunan kilang tanpa lesen kemasukan atau pelepasan bahan pencemar daripada LUAS.

"Siasatan mendapati memang terdapat aktiviti pelepasan bahan berkaitan dan melanggar peraturan. Maka kita datang ke pejabat pemilik untuk serahan kompaun," kata kenyataan.

Skuad Pantas LUAS yang ditubuh pada 2020 menerusi Belanjawan Selangor 2021 bertujuan mencegah pencemaran air di negeri ini.

Misi skuad itu meminimumkan risiko yang membawa kepada penutupan LRA yang menyebabkan gangguan air kepada pengguna.

Sejak pembentukannya, jumlah penutupan atau insiden pencemaran babitkan Kod Merah menurun drastik.

WAKTU SOLAT

7-13 SEPT 2023
21-27 SAFAR 1445

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:49	5:59	7:05	1:14	4:19	7:18	8:27
08 Jumaat	5:49	5:59	7:05	1:14	4:18	7:18	8:27
09 Sabtu	5:48	5:58	7:05	1:14	4:17	7:17	8:26
10 Ahad	5:48	5:58	7:05	1:13	4:16	7:17	8:26
11 Isnin	5:48	5:58	7:04	1:13	4:15	7:16	8:25
12 Selasa	5:48	5:58	7:04	1:12	4:14	7:16	8:25
13 Rabu	5:48	5:58	7:04	1:12	4:13	7:15	8:24

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:50	6:00	7:06	1:15	4:20	7:18	8:28
	5:50	6:00	7:06	1:14	4:19	7:18	8:27
	5:49	5:59	7:06	1:14	4:18	7:18	8:27
	5:49	5:59	7:06	1:14	4:17	7:17	8:26
	5:49	5:59	7:05	1:13	4:16	7:17	8:26
	5:49	5:59	7:05	1:13	4:15	7:16	8:25
	5:48	5:58	7:05	1:13	4:14	7:16	8:25

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:51	6:01	7:07	1:17	4:21	7:20	8:30
	5:51	6:01	7:07	1:16	4:19	7:20	8:29
	5:51	6:01	7:06	1:16	4:18	7:20	8:29
	5:51	6:01	7:06	1:16	4:17	7:19	8:28
	5:50	6:00	7:06	1:15	4:16	7:19	8:28
	5:50	6:00	7:06	1:15	4:15	7:18	8:27
	5:50	6:00	7:05	1:14	4:14	7:18	8:27

Bilangan pempamer naik sekali ganda

Pamer 40 pesawat, promosi sukan dron

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Seramai 117 pempamer dari dalam dan luar negara bakal menyertai Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 mulai 7 hingga 9 September, naik hampir sekali ganda berbanding tahun lalu.

Menyasar potensi nilai transaksi RM700 juta untuk penganjuran edisi kali ini, SAS disertai banyak negara termasuk Amerika Syarikat, Perancis, Denmark, Singapura, Australia dan Hong Kong.

Sepanjang tiga hari, pameran bertemakan 'Satu-satunya Pertunjukan dan Perniagaan Penerbangan di Rantau ini' dijangka menarik lebih 20,000 pengunjung dalam pelbagai sektor.

Berlangsung di Skypark RAC, Bukit Jelutong, SAS akan mempamerkan 40 pesawat statik pelbagai jenis antaranya pesawat peribadi dan sukan selain

memperkenalkan beberapa acara baharu.

Ia termasuk sukan udara dron dan karnival kerjaya melibatkan 20 syarikat penerbangan, yang akan memberi khidmat nasihat bagi menjalani sesi temu duga selain latihan komunikasi.

Mula dianjurkan sejak 2021, SAS menjadi landasan Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pertumbuhan sektor aeroangkasa dan membantu syarikat tempatan serta usahawan kecil dan sederhana meneroka bidang itu.

Pada Mac, bekas EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim menyasarkan potensi pelaburan RM2 bilion dicapai menerusi penganjuran edisi ketiga tahun ini.

Acara tahun lalu pada 8 hingga 10 September mencatat potensi nilai transaksi RM1.174 bilion, manakala SAS 2021 yang julung kali diadakan merekodkan RM100 juta.

Sementara itu, pengunjung SAS di-

saran menggunakan perkhidmatan bas ulang-alik dan tempat letak kenderaan percuma sepanjang acara mulai 7 hingga 9 September.

Pelawat yang menaiki kenderaan persendirian diminta memarkir di sekitar Stadium Shah Alam bersebelahan Giant Seksyen 13.

"Perkhidmatan bas ulang-alik khusus akan beroperasi membawa pelawat dari kemudahan tempat letak kereta stadium ke Skypark RAC, Bukit Jelutong iaitu lokasi SAS," kata kenyataan.

Pengunjung yang menggunakan perkhidmatan e-panggilan pula boleh berhenti di i-Parc 3 sebelum menaiki van ulang-alik yang membawa mereka ke lokasi pameran.

Semua pelawat perlu mematuhi peraturan keselamatan semasa memasuki lapangan terbang atau kawasan selamat dan tertakluk kepada pemeriksaan kakitangan keselamatan penerbangan.

Pelawa sertai ekspo, luas perniagaan

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mempelawa peniaga menyertai Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) pada 6 hingga 8 Oktober ini.

Sebanyak 200 reruai disediakan kepada usahawan atau pempamer yang menyertai ekspo di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam di sini.

"Kami sedang mencari usahawan pempamer yang berminat untuk menyertai Ekspo SELBIZ 2023 dengan yuran RM2,000 dikenakan kepada ahli PKNS Bizclub dan RM2,500 (bukan ahli).

"Jika anda berminat untuk menyertai sebahagian dari pempamer SELBIZ 2023, boleh layari <https://bit.ly/daftarpempamer>," maklum PKNS pada 3 September.

Agensi itu mengalu-alukan usahawan bidang makanan, minuman, fesyen, aksesori, peruncitan, perkhidmatan, kosmetik, teknologi, pakaian terpakai, dekorasi dan barangan bayi untuk menyertai ekspo itu.

Turut ditampilkan persembahan beberapa artis popular antaranya Tomok, Ernie Zakri, Amir Masdi, Floor 88 dan Ara Johari.

Untuk pertanyaan atau maklumat lanjut, Izzati Nadia 017-419 9400 atau Nur Sabrina 011-2858 3903.

MENGUKIR PENGALAMAN, MEWARNAI KEHIDUPAN

Alira

SUBANG JAYA

Alami kehidupan moden yang seimbang di Alira, terletak di tengah-tengah bandar Subang Jaya. Menawarkan lebih daripada 40 jenis fasiliti yang mengagumkan, termasuk ruang kerja bersama serta akses terus ke taman sentral, Alira adalah pilihan muktamad untuk keluarga yang mendambakan gaya hidup sofistikated dalam persekitaran semula jadi yang tenang.



Bersebelahan Sekolah Antarabangsa Sri KDU



Ruang Kerja Bersama



Lebih Daripada 40 Jenis Fasiliti



Akses Terus Ke Taman Sentral




Kehidupan Berinspirasi Resort





10km Ke Taman Tema Lagoon

Ilustrasi adalah ilham artis sahaja.

AVALAND
an AyalaLand company
www.avaland.com.my

Next Delta Sdn Bhd (1130397-A)
A subsidiary of Avaland Berhad (881786-X)
(Formerly known as MCT Berhad)
T: +603 5115 9988  Avaland Berhad

 Avaland Gallery, Taipan USJ
E: alira@avaland.com.my
W: alira.my

+6011 1722 5551
 Alira At Subang Jaya

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Pemaju: Next Delta Sdn. Bhd. (1130397-A) • No. Lesen Pemaju: 20185-1/11-2023/0837(L) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • No. Permit Iklan: 20185-1/11-2023/0837(P) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • Alamat: Lot C-02, Level 2, Skypark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03 5115 9988 • Pegangan Tanah: Kekal • Gadaian Tanah: Tiada • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Subang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSJ.BGN.BP2.600-1/10/4/14 • Tarikh Dijangka Siap: Dis 2025 • Bilangan: 492 • Harga Menara A: RM578,916 (Min.) - RM884,286 (Maks.) Harga Blok A: RM978,640 (Min.) - RM1,068,340 (Maks.) • Diskaun Bumiputera: 10% • Sekatan Kepentingan: Tiada

Iklan ini tidak bermaksud dan/atau dianggap sebagai tawaran atau jemputan untuk menawarkan jualan daripada pemaju. Maklumat yang terkandung dalam iklan ini adalah tertakluk pada perubahan, pengubahsuaian dan pemindahan sepertimana yang disyorkan oleh pihak berkuasa berkaitan dan/atau arkitek projek dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Kandungan iklan ini adalah tepat pada masa pencetakan dan pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa jua kesilapan yang berlaku. Visual yang dipamerkan adalah pada tanggapan artis sahaja dan semua ukuran adalah berdasarkan anggaran. "Tertakluk pada terma dan syarat."

Perbanyak program budaya Orang Asli

KUALA LANGAT - Kerajaan Negeri akan memperbanyak program kebudayaan dan kesenian Orang Asli sekali gus memperkukuhkan Selangor sebagai destinasi pelancongan utama negara.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah berkata program silang budaya memudahkan warisan seni Orang Asli diangkat ke peringkat antarabangsa antaranya memperkenalkan persembahan Mah Meri.

"Persembahan Mah Meri bukan sekadar diadakan di kawasan perkampungan. Perbincangan akan dibuat bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) untuk bawa persembahan ini ke luar negara.

"Kita cuba bawa bukan sahaja seni tari tetapi peralatan muzik dan warisan makanan di Selangor ke negara seperti Brunei, Thailand dan Singapura," katanya lagi.

Sedia 100,000 sate percuma di Sepang

SHAH ALAM - Lebih 100,000 cucuk sate percuma dihidang dalam Fiesta Sate Selangor di Pantai Bagan Lalang, Sepang pada 16 September.

EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah menjelaskan program antara 9 pagi hingga 3 petang itu bertujuan mengkomersialkan juadah berkenaan kepada pelancong luar.

"Sate antara makanan tradisional yang seharusnya tidak dilupakan. Mungkin sinonim kepada masyarakat tempatan tetapi tidak kepada pelancong," katanya pada 4 September.

Beliau menambah program berkenaan dijangka mencatat rekod Malaysia Book of Records seperti kejayaan penganjuran fiesta hidangan nasi ambeng terbesar di Malaysia pada November.

727 kes keganasan rumah tangga

SHAH ALAM - Sebanyak 727 kes keganasan rumah tangga dilaporkan di negeri ini antara Januari hingga Julai lalu, dengan kebanyakan mangsa membabitkan suri rumah.

Timbalan ketua polis Selangor berkata punca kes dipercayai akibat perselisihan faham dalam keluarga sehingga mangsa membuat laporan polis, lapor Harian Metro.

Datuk S Sasikala Devi mendedahkan mangsa berusia antara 26 hingga 45 tahun, berdepan pelbagai keganasan seperti penderaan fizikal, emosi dan seksual serta ugutan.

"Selain suri rumah, golongan profesional dan berpelajaran turut menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan ada kemungkinan segelintir mangsa tidak membuat laporan polis," katanya pada 6 September.

Menurutnya, melemparkan kata-kata kesat yang mengaibkan atau menjatuhkan maruah individu hingga memberi kesan terhadap emosi mangsa turut dianggap sebagai penderaan.

Bantu peniaga jana RM1juta

SHAH ALAM - Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) mengadakan program latihan dan bimbingan e-dagang bagi membantu usahawan menjana jualan hingga RM1 juta.

Eksekutif e-Dagangnya berkata program itu meliputi sektor makanan

dan minuman, fesyen dan gaya hidup, kecantikan dan kesihatan, pendidikan dan pembelajaran serta ruang kediaman.

Mohamad Khairul Ikhwan Mohamad Saufi menambah sebanyak 30 syarikat terpilih mengikuti latihan intensif percuma tiga bulan menerusi program

yang dikenali sebagai Selangor EC Xccelerator.

"Selain mendapatkan dana pelabur, kita mahu kembangkan hasil jualan mereka sekurang-kurangnya mencecah RM1 juta selain sejuta tempahan (produk yang dipasarkan)," katanya pada 1 September.

Program baharu perkasa e-dagang

Bimbing usahawan kaedah teknologi

Oleh **SOFIA NASIR**

KUALA LUMPUR - Usaha memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor e-dagang terus dipergiat menerusi program latihan dan bimbingan daripada mentor berpengalaman.

Dikenali sebagai Selangor E-Commerce Xccelerator 2023 (ECX23), inisiatif Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) turut menyediakan bengkel komprehensif.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program terbaharu itu bagi memacu Selangor dalam ekonomi digital selain menjadi pusat digital ter-

kemuka di Asia Tenggara.

Beliau menjelaskan inisiatif tersebut juga akan memberi sokongan kukuh kepada syarikat pemula dan usahawan baharu serta menggalakkan penyelesaian e-dagang yang inovatif.

"Kerajaan Negeri mahu mewujudkan ekosistem perniagaan berteraskan teknologi yang dapat berkembang maju, sekali gus mengubah landskap perniagaan di Selangor dan Malaysia amnya," katanya pada 5 September.

Beliau berucap ketika merasmikan ECX23 dan program Pemecut Selangor 2023 (SAP23) kohort keenam, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital Teo Nie Ching di sini.

Hadir sama EXCO Pelaburan dan Perdagangan Ng Sze Han, Ketua Pegawai Eksekutif Sidec Yong Kai Ping dan Ketua Pegawai Operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop.

Sementara itu, Kai Ping berkata ECX23 merupakan kesinambungan Anugerah Usahawan E-Dagang Terbaik Malaysia (Top ECM) dengan peserta yang tamat latihan akan menerima pengiktirafan.

Program ECX23 dianjurkan bersama Affin Bank dan Invest Selangor Berhad, dengan kerjasama rakan strategik Lazada, Pos Malaysia, EasyStore, dan Permodalan Negeri Selangor Berhad.

20,000 penjaja daftar PLATS

SHAH ALAM - Seramai 20,000 peniaga dan penjaja kecil menyertai Platform Selangor (PLATS) yang dibangunkan pentadbiran negeri untuk meluaskan pasaran dan meningkatkan jualan.

Ketua pegawai operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata inisiatif yang diperkenalkan pada 2020 membantu menggerakkan ekonomi golongan itu susulan pandemik Covid-19.

Menurut Saipolyazan M Yusop, sebahagian besar atau 90 peratus

peniaga yang menyertai platform itu terlibat dalam sektor makanan dan minuman, selebihnya pakaian dan kecantikan.

"PLATS mahu memperkasa penjaja dan usahawan mikro dalam mempromosi produk menerusi platform digital dan media sosial selain menyediakan program pembangunan secara berfasa," katanya.

Beliau ditemui dalam sesi penerangan program latihan pembangunan usahawan PLATS (U-PLATS) di sini,

yang turut dihadiri EXCO Keusahawanan Najwan Halimi pada 4 September.

Diperkenalkan pada 2020, PLATS melaksanakan bazar Ramadan digital pertama di Malaysia bagi membantu penjaja kecil yang terjejas pendapatan susulan wabak Covid-19.

Inisiatif itu diperluas setahun kemudian bagi membantu peniaga sepanjang masa, tidak terhad ketika bulan puasa sahaja sebaliknya diteruskan sehingga kini dengan kerjasama agensi berkaitan.

Shah Alam mesra pengangkutan 2035

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mencapai status bandar raya mesra pengangkutan menjelang 2035.

Datuk Bandar Shah Alam berkata inisiatif yang diambil termasuk menyediakan ruangan penggunaan kenderaan mikromobiliti sepanjang 2,000 km di jalan perbandaran.

"Kita galakkan penggunaan kenderaan mikromobiliti sebagai trend penggunaan jalan raya. (Setakat ini), 500km

jalan selesai lalui proses kecerdasan buatan (AI) sebagai ujian pelaksanaan.

"Sasaran kumpulan utama untuk penggunaan mikromobiliti adalah warga emas memandangkan populasi golongan ini 10 peratus dari 800,000 penduduk di Shah Alam," kata Dr Nor Fuad Abdul Hamid pada 5 September.

Berucap pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Eastern Asia Society For Transportation Studies (EASTS) ke-15 di Pusat Konvensyen MBSA di sini, Dr Nor Fuad menjelaskan

pihaknya dalam proses mengubah suai landskap bandar untuk penggunaan skuter elektrik.

Selain itu, beliau berkata dua stesen transit aliran ringan di laluan Persiaran Dato' Menteri dan Stadium Shah Alam yang bakal siap tahun depan meningkatkan capaian pengangkutan awam.

EASTS ke-15 anjuran MBSA disertai 700 peserta dari dalam dan luar negara antaranya daripada Korea, Jepun, Amerika Syarikat, Sri Lanka dan Taiwan.



Ketua Pegawai Eksekutif Selangor Youth Community Nurul Azwa Mohd Rodzi memberi penerangan Program Latihan Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS) di Shah Alam pada 4 September. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Terima latihan tujuh bulan

Latih peniaga urus niaga digital

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Platform Selangor (PLATS) memperkenalkan program Latihan Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS) membantu peniaga menguruskan perniagaan secara digital.



Ketua pegawai operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata mereka bakal mengikuti tiga modul latihan selama tiga bulan mulai September hingga Mac tahun depan.

Saipolyazan M Yusop menjelaskan seramai 360 usahawan bakal menerima manfaat daripada program berkenaan yang turut diselia 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) secara bergilir.

Menyatakan lima peniaga terbaik berpeluang menang hadiah geran perniagaan, beliau menambah modul itu berkaitan keusahawanan, media sosial dan e-dagang dan penciptaan kandungan digital.

"Pemantauan dibuat selama setahun meliputi aspek jualan dalam talian, kewujudan secara digital dan jalinan digital," katanya ketika ditemui selepas sesi penerangan pada 4 September.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi

yang turut hadir program itu berkata usahawan perlu mengambil peluang mempelajari ilmu bidang ekonomi baharu dan memanfaatkan perniagaan secara digital.

"Menerusi program ini, usahawan diberi latihan dan 'input' bagaimana adaptasi ekonomi digital. PLATS ada sejak 2020 dan kini meneruskan usaha membantu peniaga menerusi U-PLATS.

"Peniaga perlu mempelbagai pendekatan daripada konvensional kepada digital iaitu tanpa premis dan hanya perlu berdaftar dengan PBT sahaja, boleh jalankan perniagaan," katanya.

Usahawan berminat boleh layari laman sosial rasmi PLATS atau platselangor.com

- Syarat penyertaan seperti berikut:
- berdaftar di PLATS
 - miliki permit atau lesen daripada PBT
 - jalankan perniagaan di Selangor
 - miliki lokasi fizikal perniagaan (terbuka kepada penjaja/trak makanan)
 - khusus untuk rakyat Selangor atau bermastautin lebih 5 tahun

Kemas kini data bantuan Tawas

SHAH ALAM - Ibu bapa atau penjaga kepada ahli Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) yang bakal memasuki darjah satu tahun depan diminta mengemas kini maklumat untuk agihan bantuan.

Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) memaklumkan ia perlu dibuat selewat-lewatnya 16 Oktober untuk memudahkan ahli menerima Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS).

"Perhatian kepada ibu bapa atau penjaga ahli Tawas kelahiran 2017 yang akan bersekolah ke darjah satu tahun 2024, sila kemas kini segera maklumat anda di <https://tawas.yawas.my/login.php>.

"Ini bagi mengelakkan anak anda terlepas panggilan PMBS Tawas yang akan diadakan tidak lama lagi," kata agensi berkenaan di Facebook pada 5 September.

Dilancarkan pada 2008, Tawas terbuka kepada anak kelahiran Selangor yang memenuhi syarat dan perlu didaftarkan sebelum berusia tiga tahun. Ahli akan menerima RM1,500 apabila berusia 18 tahun.

Selain PBMS, Selangor turut menyediakan program bantuan sejak lahir hingga melanjutkan pengajian antaranya Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas), Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar (Asuh Pintar) serta Iltizam Anak Selangor (Anas).

#KitaSelangor




APLIKASI i-CLEAN SELANGOR

MEMUDAHKAN ANDA MENYALURKAN ADUAN TERUS KEPADA KAMI





Pendaftaran Mudah



Lebih Cepak



Maklum Balas Awal



KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK



KUTIPAN SAMPAH PUKAL



PEMBERSIHAN AWAM



MUAT TURUN SEKARANG!



Download on the App Store



ANDROID APP ON Google play

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN 1-800-88-2824

Dana RM50,000 kembangkan niaga

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) mempelawa usahawan yang mahu mengembangkan lagi perniagaan permohonan pembiayaan sehingga RM50,000 menerusi Skim Go Digital Hijrah.

Program tersebut bertujuan membantu peniaga beralih kepada kaedah perniagaan pendigitalan melalui platform terkini dan moden.

"Ia dapat membantu meningkatkan keupayaan pasaran produk dan servis yang akhirnya mampu memaksimumkan keuntungan hasil jualan secara dalam talian," menurut Hijrah di Facebook.

Permohonan boleh dibuat melalui pautan <http://mikrokredit.selangor.gov.my/> atau hubungi 19 cawangan Hijrah.

Berikut antara syarat kelayakan pemohon:

- Penduduk atau permaustatin lebih lima tahun
- Mengundi di Selangor
- Perniagaan sudah beroperasi
- Ada premis perniagaan
- Berumur 18 hingga 65 tahun

Hijrah sebelum ini menyediakan RM4.92 juta bagi membantu 949 individu untuk memulakan perniagaan menerusi skim Zero To Hero setakat Julai lalu.

Jimat 40 peratus belanja dapur

Mutu barangan setara pasar raya

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU LANGAT - Mutu barangan setanding pasar raya menggamit pengunjung berulang kali ke program Jelajah Ehsan Rahmah (JER).

Kakitangan swasta Muhammad Hazly Aris, 39, yang tinggal di Bala-kong sanggup ke Cheras, Kajang atau Bangi jika jualan murah tersenbut dianjurkan di situ.

"Rasanya lebih 15 kali ke program ini, memang jimat dan barangan segar. Walaupun harga murah daripada pasaran, mereka beri pelanggan barangan setanding pasar raya," katanya.

Pekerja swasta Norzela Hussin, 43, berkata dia pula kali kedua hadir jualan kendalian Perbadanan Kemajuan Per-

tanian Selangor kerana berpuas hati dengan mutu barangan.

"Saya baru tahu daripada rakan mengenai program ini jadi cuba beli pada kali pertama dan puas hati dengan mutu barangan, kebetulan cuti jadi saya datang semula kali ini," katanya.

Mereka antara pengunjung program JER peringkat Dewan Undangan Negeri Bala-kong pada 3 September di Taman Cheras Utama di sini.

Kakitangan swasta Norzana Suis, 52, pula menyifatkan JER membantunya menjimatkan 40 peratus perbelanjaan bulanan berbanding membeli barangan keperluan asas di tempat lain.

"Saya banyak kali membeli di JER sekitar Klang. Setiap hari memang saya

akan semak lokasi JER, kemudian akan berkongsi dengan jiran dan kawan-kawan lain.

"Macam hari ini saya hanya keluar RM50 bagi dapatkan bekalan beras, telur, ayam dan daging. Harap inisiatif ini diteruskan sehingga bila-bila," katanya.

Beliau antara pengunjung JER di Dataran Kiosk Masjid Sirajuddin Al-Anuar, Kampung Batu Belah pada 4 September.

JER menawarkan ayam standard RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Setakat Julai program tersebut diadakan sekitar 2,400 lokasi seluruh negeri bagi memberi manfaat kepada kira-kira 4.5 juta penduduk negeri.



1st ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL



21 - 26 September 2023

LAMAN MBPJ • JALAN YONG SHOOK LIN • PETALING JAYA • SELANGOR • MALAYSIA



PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN ANTARABANGSA

• 23 Sept. 2023 | 11.00 pg - 11.00 mlm
• 24 Sept. 2023 | 10.00 pg - 5.00 ptg



PAMERAN SENI & KRAFTANGAN

• 23 & 24 Sept. 2023 | 11.00 pg - 11.00 mlm



DEMONSTRASI MAKANAN TRADISIONAL

• 23 & 24 Sept. 2023 | 11.00 pg - 11.00 mlm



SEMINAR KERJAYA SENI

• 23 Sept. 2023 | 11.00 pg - 12.30 tgh • 2.00 ptg - 5.00 ptg

SEMUA DIJEMPUT HADIR

KONSERT & BUNGA API


24 Sept. 2023 | 8.30 mlm





Merdeka cermin diri

Setiap sambutan Hari Kebangsaan adalah satu peluang mencerminkan diri; satu peluang untuk kita merenung dan bermuhasabah. Bukan sekadar mengenang pengalaman hidup kita secara peribadi setelah berlalunya satu tahun, tetapi turun muhasabah dan menilai kembali kedudukan negara



Imej bendera ditampal di atas foto asa/AFP

Oleh DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Hari Malaysia

Sambutan kemerdekaan setiap tahun pada tengah malam 30 Ogos antaranya kerana ia suatu *homage*, kepada penurunan Union Jack pada 12 tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor yang sekarang kita kenali sebagai Dataran Kemerdekaan. Bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudiannya dinaikkan oleh Tahir Abdul Majid seraya itu lagu Negaraku dinyanyikan buat kali pertama. Sejurus kemudian laungan “Merdeka” dilontarkan sebanyak 7 kali.

Tujuh sebagai angka ganjil juga dengan izin Allah SWT diberkati-Nya. Malahan diriwayatkan kepada kita bahawa Nabi SAW pernah bersabda, “Allah SWT itu witr (ganjil/tunggal) dan Dia menyukai bilangan yang ganjil.”

Meminjam ungkapan perdana menteri India pertama Jawaharlal Nehru dalam ucapannya yang berjudul *A Tryst With Destiny*, “*at the stroke of midnight hour, when the world sleeps*” generasi ayah-ibu kita menyambut kemerdekaan dengan rasa penuh bangga.

Waima begitu, Union Jack diturunkan buat kali pertama bukanlah pada tengah malam 31 Ogos di padang Kelab Selangor. Pada petang hari bersejarah itu, jam 6.30, bendera penjajah keparat itu diturunkan di Bandar Hilir Melaka bagi menandai serta memaknai berakhirnya penjajahan pentadbiran British 133 tahun terhadap Melaka.

Kita juga diberitahu bahawa tarikh kemerdekaan 31 Ogos 1957 dicadangkan oleh ulama Shaykh Abdullah Fahim. Menurut beliau jika kita gagal memperolehi kemerdekaan pada tarikh ini, seeloknya pula pada 31 Ogos 1962.

Begitulah beberapa peristiwa yang melatari sambutan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan ini.

Kita tidak melupakan juga sahabat-sahabat dan saudara kita dari seberang di bumi Sabah dan Sarawak, kerana lebih kurang enam tahun kemudian, dan kira-kira dua minggu dari sekarang, kita menyambut Hari Malaysia, pembentukan sebuah negara di Asia Tenggara yang akan berusia 60 tahun tidak lama lagi.

Menjelang Hari Kebangsaan, sejarah menjadi suatu subjek yang sangat penting. Bukanlah sebelum ini ia tidak mustahak. Akan tetapi acapkali masyarakat kita menanggapi sejarah sebagai suatu subjek pingiran. Kita sendiri dan kemudiannya mengajar anak-anak kita bahawa subjek sejarah hanyalah untuk lulus peperiksaan.

Kita tidak menerapkan dalam sanubari kita serta fikiran anak-anak bahawa dengan menekuni sejarah, kita berkemampuan, paling tidak memahami latar serta masyarakat kita.

Sebagaimana yang ditekankan oleh filsuf Inggeris, RG Collingwood, “*What does it mean to understand the past historically?*” Apakah maknanya untuk memahami masa lalu sebagai sejarah.

Saya teruja dengan Collingwood kerana selain sebagai seorang filsuf Inggeris yang unggul di Oxford sekitar 1950-an dan 1960-an, beliau sangat tajam menanggapi sejarah.

Beliau mengkritik mazhab sejarah yang fanatik mahu menanggapi serta memahami peristiwa menerusi kaedah positivistik atau saintifik. Collingwood mengkritik sikap semberono mahu menggunakan kaedah saintifik terhadap sejarah dan beranggapan bahawa sejarah pastinya akan berulang seakan-akan suatu kitaran. Collingwood menolak apa yang kita kenali kemudiannya sebagai dialetika termasuklah dialetika kelas.

Menekuni Collingwood mengingatkan saya kepada Karl Popper dalam *The Poverty of Historicism* dan karya Ibnu Khaldun.

Collingwood dalam antara *magnum opus* beliau *The Idea of History* tidak mahu kita meremehkan mereka yang meriwayatkan sejarah atau tawarikh

kepada kita.

Kepada beliau bukan tugas ahli sejarah untuk bersikap *judgmental* dan *bias* serta prejudis terhadap testimoni para penulis tawarikh lalu keterlaluan menolak mereka sebagai penipu atau penganyam mitos.

Hikayat Hang Tuah

Justeru terdetik dalam fikiran saya apabila membaca Hikayat Hang Tuah beberapa ketika dahulu. Fikiran muda saya, walaupun kini bukanlah saya ini tua sangat, cuma rambut putih semakin bertambah, akan buru-buru menolaknya sebagai karya mitos sehinggakan tidak berlapang dada menekuninya sebagaimana Collingwood anjurkan mahupun sepertimana Ibnu Khaldun cerakinkan.

Mengulang-baca Hikayat Hang Tuah daripada sudut pandang penulisnya maka kita berupaya memahami hikmah yang begitu dalam mengenai kekuasaan, perihai politik, perihai kenegaraan dan tata keadilan serta kecekalan memastikan keunggulan negara hukum.

Sekiranya kita menjadi kerdil, mahu menghukum Hang Tuah ini mitos, atau terburu-buru radikal mahu menjulang Jebat sebagai wira, maknanya kita gagal menggali khazanah serta hikmah bangsa ini.

Hikayat Hang Tuah mengajar kita, mengajar saya, sekiranya penguasa atau pemerintah terbabas dari landasan syarak, landasan undang-undang, mudah dikuasai hawa nafsu, nipis telinga mendengar adu-domba makanya haru-birulah kesentosaan negeri.

Hikayat Hang Tuah juga mengajar kita bahawa cekalnya menjadi bendahara. Meniti di antara kesetiaan dan kemakmuran rakyat. Betapa liciknya bendahara kerana menyembunyikan Hang Tuah. Betapa beraninya bendahara “derhaka” akan perintah Sultan Mansur Syah demi kemaslahatan rakyat, negeri hatta demi kebaikan Tuanku Sultan Melaka itu sendiri.▶

Ia juga mengajar kita bahawa kritikan adalah dibenarkan, namun cara Jebat adalah salah. Sebarang ketertiban kritikan bukan dengan kegilaan Jebat.

Menganggu-gugat keamanan negara sama sekali tidak ditolak ansur. Kegilaan, melampaui batas, radikalisme Jebat tidak boleh menjadi pegangan. Melawan kezaliman bukanlah bererti mencetuskan kacau-bilau dan pemberontakan.

Penulis Hikayat Hang Tuah juga menyerlahkan ketaasuban Hang Tuah yang setia membuta tuli. Penulis Hikayat Hang Tuah - yang sehingga sekarang tidak ketahui siapa - menjadikan karya beliau sebagai wahana mengkritik sikap pahlawan terbilang itu.

Kendati pun keberanian dan kesetiaan tersebut dijulang, penulis memaparkan kepada kita bahawa “*the triumph of intelligence over brute power*”. Ini mirip juga dengan keunggulan Odysseus ke atas Achilles. Kemenangan kecerdikan dan kebijaksanaan atas kekuatan berlawan sematamata. Jangan lupa, kisah klasik China, San Guo Yan Yik, Babad Tiga Negeri juga menjulang watak bijaksana seperti Zhuge Liang.

Justeru bagi saya hikmah yang ada pada penulis hikayat itu sendiri yang mengkagumkan. Penulis yang diandaikan menulis pada abad ke-18 menyembunyikan dirinya di sebalik segala macam watak. Beliau bukan sahaja licik bahkan berani merakamkan kerakusan penguasa, radikalisme Jebat yang merosak negara manakala kelicikan Bendahara menggunakan Tuah untuk mengembalikan keamanan.

Watak-watak itu semua ada kelebihan dan kekurangannya. Namun apa yang perlu adalah membacanya dengan lebih dalam untuk menggali pedoman dari kebijaksanaan penulis tersebut.

Sang penulis Hikayat Hang Tuah itulah dalam diam, halus, kesusasteraan mengajar kita antara *statecraft* terawal orang Melayu dan saya yakin masih relevan untuk kita renungi bagi menyambut Hari Kemerdekaan ini.

Perlembagaan Persekutuan

Hari Kebangsaan dan sambutan Hari Kemerdekaan adalah tarikh yang memisahkan kita dengan penjajah, yang merobohkan jeriji penjajahan yang sekian lama memenjarakan jiwa kita. Namun kemerdekaan bukanlah ia bererti kita memutuskan diri dengan sejarah.

Kita bersyukur kerana para pejuang kemerdekaan, memahami tiada keperluan untuk bersikap melampaui seperti rejim Pol Pot yang menzalimi rakyat sendiri semata-mata mahu mewujudkan masyarakat baharu dengan kebudayaan serta keyakinan baharu - yang terputus daripada sejarah.

Faham sejarah seperti yang dianuti Pol Pot inilah dikritik pemikir seumpama Collingwood dan Karl Popper.

Kita bersyukur kerana kebijaksanaan mengatasi rasa amarah dan pemberontakan. Pemimpin, cendekiawan, umara' dan ulama, bersatu hati dan tekad mahukan kemerdekaan.

Makanya membangunkan negara yang baru sahaja mengecapi kemerdekaan dan kemudiannya pada 1963, bergabung pula dengan Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia, memerlukan beberapa asas, yang mana di antaranya Perlembagaan Persekutuan.

Dalam Perlembagaan Persekutuan itulah tertuangnya asas-asas yang terpaut dengan sejarah dan kesedaran serta kebijaksanaan terutamanya orang Melayu.

Perlembagaan memastikan keistimewaan orang Melayu tidak boleh digugat. Di antaranya kedudukan Raja-Raja Melayu, bahasa Melayu

sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama persekutuan. Hadir bersamanya juga hak-hak rakyat negara ini sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 5 sehingga 11 Perlembagaan Persekutuan.

Sejak detik itu sehingga kini, pelbagai musim dan situasi serta perubahan yang telah kita lalui, secara individu mahupun bersama.

Dan setiap sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan bukan sahaja satu peluang untuk kita memperingati pengorbanan terutamanya daripada pasukan keselamatan, tentera, yang memainkan peranan begitu penting untuk menegakkan maruah bangsa dan memperjuangkan kedaulatan tanah yang kita cintai ini.

Tetapi setiap sambutan Hari Kebangsaan adalah satu peluang mencerminkan diri; satu peluang untuk kita merenung dan bermuhasabah. Bukan sekadar mengenang pengalaman hidup kita secara peribadi setelah berlalunya satu tahun, tetapi turut muhasabah dan menilai kembali kedudukan negara di pelantar global dan peranan kolektif kita sebagai warga sebuah negara yang bernama Malaysia.

**Meskipun kita telah keluar
daripada cengkaman siri
penjajahan fizikal luar negara,
kita sedang menghadapi
ancaman penjajahan dari
kelompok yang ingin mengambil
kesempatan atas keresahan
kita, ingin memundurkan lagi
negara ini sambil mengisi poket
dan perut segelintir pihak.
Sebagai rakyat dan warganegara
Malaysia, kita jangan lalai, kita
harus peka terhadap agenda dan
perbuatan kumpulan sebegini**

Rekonsiliasi nasional

Di Selangor, kita baru melalui satu proses pemilihan yang agak sengit dan bersifat keras disebabkan beberapa pihak yang bertindak melampaui batas sehingga mengabaikan dan melupakan adab.

Walaupun proses itu selesai, tidak bermakna segala yang berlaku itu boleh dihalalkan ataupun dilupakan terutamanya jika masih lagi ada watak yang menganggap politik sebagai satu *zero sum game*.

Politik dan praktis proses demokrasi bukan sebuah keadaan pemenang-bolot-semua dan tidak boleh wajar dijadikan *zero sum game*. Seperti setiap aspek kehidupan lebih-lebih lagi kehidupan bermasyarakat di Malaysia, harus ada kesederhanaan dan masing-masing perlu menyedari batasnya kerana kita semua merupakan warganegara dan anak Malaysia.

Kini, tiba masanya untuk satu proses rekonsiliasi nasional yang harus dicapai oleh pimpinan negara dan masyarakat. Proses rekonsiliasi atau ta'lif ini bertujuan mengurangkan ketajaman yang kita lihat sejak tragedi ketidakbertanggungjawaban Februari 2020 yang mengabaikan proses demokrasi dan menafikan penglibatan serta peranan langsung rakyat dalam menentukan masa depan negara.

Pada masa yang sama, kita harus mengelak *tyranny of the majority* dan *tyranny over*

minorities yang disebut oleh filasuf Perancis Alexis de Tocqueville daripada sekali-kali terjadi di bumi bertuah ini.

Demokrasi bukan kepunyaan ahli-ahli politik ataupun pimpinan-pimpinan parti, sepertimana kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu bukan milik Bapa Kemerdekaan Malaysia sahaja tetapi juga dicapai melalui peranan setiap rakyat Malaysia yang hidup dan berjuang pada ketika itu.

Dan pengertian baharu kemerdekaan diwariskan kepada kita generasi hari ini bagi mengisi dan melakar masa depan negara kita dengan tangan kita sendiri.

Soalan di hadapan kita semua dan harus dirungkai serta dijawab adalah apakah jenis negara bangsa yang ingin kita bina dan realisasikan apabila Malaysia mencapai usia 100 tahun nanti?

Dan apakah peranan yang dapat kita mainkan sebagai rakyat negara ini? Adakah kita dapat menyemai sikap dan memperkasakan maruah, membangunkan ekonomi bermaruah yang memberi peluang untuk kita sebagai rakyat Malaysia bersaing di pelantar global?

Ataupun kita akan berpuas hati sekadar menjadi jaguh kampung sambil melihat negara-negara jiran bukan sahaja mendahului tetapi meninggalkan kita jauh di belakang?

Bina negara bangsa

Ini bukan persoalan memilih ahli politik ataupun parti politik tetapi soal nilai dan akhlak, soal survival negara, soal membaiki dan membina asas negara, soal membina negara bangsa yang bermaruah, soal kejayaan negara. Ini cabaran kita sebagai rakyat Malaysia.

Tidak memadai untuk kita hadir dan berkumpul hari ini, memakai baju kebangsaan dan mengibarkan bendera sambil merasa kerja dan tanggungjawab kita dalam membina negara telah selesai.

Meskipun kita telah keluar daripada cengkaman siri penjajahan fizikal luar negara, kita sedang menghadapi ancaman penjajahan daripada kelompok yang ingin mengambil kesempatan atas keresahan kita, ingin memundurkan lagi negara ini sambil mengisi poket dan perut segelintir pihak. Sebagai rakyat dan warganegara Malaysia, kita jangan lalai, kita harus peka terhadap agenda dan perbuatan kumpulan sebegini.

Malaysia tidak akan mampu berjaya jika negara ini hidup dalam kacau-bilau serta perpecahan. Kerencaman dan perbezaan kita yang semula jadi adalah kekuatan kita.

Indoktrinasi yang bercanggah dan sedang cuba disebarluaskan oleh beberapa pihak harus kita beranikan diri, bangkit dan lawan. Jangan biar jiwa dan minda kita dijajah oleh perbuatan syirik sebegini.

Kita di Selangor dan Malaysia adalah rakyat yang bermaruah, rakyat yang mampu berfikir, rakyat yang mempunyai jati diri dan asas kukuh untuk berjaya secara kolektif.

Itulah cabaran yang berada di hadapan kita pada hari ini sebagai rakyat Malaysia. Percayalah. Jika kita dapat berganding bahu, bersama-sama, dan dengan satu suara menyatakan komitmen untuk maju ke depan sambil memanfaatkan perbezaan unik antara kita, percayalah.

Saya yakin apabila tibanya tanggal 31 Ogos 2057 dan 2063, kita bukan lagi dilihat sebagai satu negara biasa di Asia Tenggara yang terletak di antara Singapura dan Thailand.

Saya yakin, Malaysia akan menjadi antara negara yang gagah dan dihormati di Asia dan di pelantar dunia.

Oppenheimer kesal cipta nuklear



Penyelidik di Universiti Teknologi Mara, DR ZAMIR MOHYEDIN seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Projek Manhattan adalah projek mencipta bom nuklear pertama dunia. Robert Oppenheimer merupakan pengarah di makmal Los Alamos yang mereka-bentuk bom tersebut sehingga jadi praktikal untuk diletupkan.

Bagaimana projek ini bermula?

Pada 1938, saintis Jerman, Otto Hahn dan Fritz Strassmann menemui bahawa atom boleh dibelah. Pembelahan itu menatijahkan penghasilan tenaga yang kini dikenali sebagai pembelahan nuklear.

Berita penemuan ini sebenarnya menimbulkan ketakutan pada ramai orang, terutamanya saintis. Mana tidaknya, jika suatu hari nanti Jerman fasis berjaya menghasilkan bom nuklear, habis sengsaralah manusia di seluruh dunia.

Negara kuasa-kuasa besar tidak nampak ancaman ini termasuklah Presiden Amerika Syarikat (AS), Franklin Roosevelt pada masa itu.

Jadi, Leo Szilard, seorang ahli fizik menulis surat untuk memberikan amaran kepada Roosevelt pada 1939. Disebabkan beliau tidak begitu popular, sokongan Albert Einstein diperlukan — saintis paling popular di dunia sampai ke hari ini.

Pada tahun sama, Jerman menyerang Poland dan Perang Dunia Kedua pun tercetus. AS cuba untuk menjadi neutral dalam peperangan ini. Tetapi gesaan untuk melihat praktikaliti bom nuklear tetap diteruskan. Roosevelt menubuhkan Jawatankuasa Uranium bagi menyiasat apakah benar bom nuklear boleh dibuat.

Pada ketika ini, kajian agak perlahan sehinggalah Jawatankuasa MAUD dari United Kingdom (UK) memberitahu bom atom boleh dibuat melalui pembelahan nuklear. Maka, UK meminta kerjasama dengan AS untuk bukan sahaja buat kajian, tetapi hasilkan bom. Unit ini diketuai oleh Vannevar Bush.

Reaktor pertama

Pada masa inilah reaktor nuklear pertama dunia, dikenali sebagai Chicago Pile berjaya dibina di bawah padang bola sepak Universiti Chicago.

Saintis juga menemui unsur yang sesuai digunakan untuk buat bom atom iaitu uranium dan plutonium. Jadi, uranium dilombong dan plutonium dihasilkan melalui pereputan uranium.

Pada 1941, AS menyertai Perang Dunia selepas Pearl Harbour di Kepulauan Hawaii diserang

Jepun. Pada 1942, dengan kerjasama saintis dan tentera, Projek Manhattan ditubuhkan. Projek ini diketuai oleh Jeneral Leslie Groves.

Dinamakan Projek Manhattan kerana pangkalan utamanya terletak di Manhattan. Tetapi projeknya tidak hanya tertumpu di Manhattan, malah berdozen-dozen tempat di seluruh AS.

Tempat paling utama adalah di Los Alamos — tempat buat bom. Oak Ridge — tempat dapatkan uranium. Hanford — tempat dapatkan plutonium. Los Alamos adalah tempat Robert Oppenheimer mereka-bentuk bom dan beliau adalah yang cadangkan tempat ini.

Los Alamos ini dicadangkan kerana jauh daripada populasi dan dapat menjadi titik tengah antara tempat-tempat penting dalam Projek Manhattan.

Minda-minda terbilang dalam kalangan saintis dan daripada pelbagai unit semua berkumpul di sini, mendirikan penempatan dan membawa keluarga masing-masing. Tempat ini sangat rahsia dan mereka akan pastikan tiada siapa yang tahu tentang Los Alamos.

Semasa Oppenheimer dilantik sebagai pengarah di Los Alamos, ramai yang terkejut dan yang tidak bersetuju dengan pelantikan itu.

Sebab pertamanya; Oppenheimer tidak

mempunyai prestij. Dengan kata lain, beliau tidak pernah lagi menang Hadiah Nobel sedangkan orang yang bekerja di bawahnya bukan calang-calang seperti Enrico Fermi, Richard Feynmann, Glen Seaborg, Ernest Lawrence dan beberapa lagi yang memang berprestij.

Sebab keduanya; Oppenheimer mempunyai ramai kenalan dan ahli keluarganya terlibat dengan aktiviti komunis. Perempuan simpanannya merupakan ahli komunis, isterinya, adiknya (Frank Oppenheimer) dan adik iparnya merupakan bekas ahli parti komunis.

Ujian Trinititi

Jadi, susah untuk mempercayai Oppenheimer mempunyai niat untuk mempertahankan negaranya sendiri. Disebabkan ini, Oppenheimer sentiasa dipantau oleh FBI.

Tapi, beliau tetap dilantik kerana Leslie Groves nampak kualiti Oppenheimer yang dapat menterjemahkan aspek praktikal untuk mereka-bentuk bom dan beliau pun mempunyai pengetahuan teori fizik yang luas. Oppenheimer juga mempunyai karisma yang tinggi sehingga ramai saintis terpukau.

Projek Manhattan bermula pada 1942. Tiga tahun selepas itu, Julai 1945, bom atom pertama berjaya diletupkan — dikenali sebagai Ujian Trinititi.

Peristiwa ini sebenarnya memberikan kesan yang mendalam pada Oppenheimer di usia

lanjutnya. Walaupun AS berjaya hasilkan bom atom, ramai saintis agak terkilan kerana tidak dapat guna bom itu ke atas Jerman. Jerman mengaku kalah dua bulan lebih awal iaitu Mei 1945.

Maka, bom itu digunakan untuk melawan Jepun di Pasifik dengan meletupkan bom uranium "Little Boy" di Hiroshima pada 6 Ogos 1945.

Hampir 170,000 orang terkorban. Kemudian, bom plutonium "Fat Man" pula meletupkan Nagasaki pada 9 Ogos 1945. Hampir 80,000 orang terkorban.

Projek Manhattan meninggalkan legasi yang rencam. Selepas tamatnya peperangan, Oppenheimer antara orang yang menggesa kerajaan supaya mengharamkan penggunaan senjata nuklear.

Oppenheimer tidak pernah berkata secara langsung tentang penyesalannya dan tidak komen apa-apa ketika mendapat jolokan "Bapa Bom Atom".

Tetapi kelakuan dan tindakannya menunjukkan penyesalan yang tidak dapat diungkapkan. Dalam masa sama, beliau berada dalam dilema. Maka sebab itu beliau memetik Bhagavad Gita, "I am become Death, the destroyer of world".





Angkatan Tentera Malaysia memeriahkan acara perarakan dengan anggota kontinjen lengkap bersenjata api di Dataran Kemerdekaan



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Tengku Amir dan Amirudin hadir majlis bacaan Yaasiin dan doa selamat



DYMM Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenan bermesra dengan rakyat di Dataran Putrajaya



Orang ramai mengambil kesempatan berswafoto bersama perdana menteri ketika sambutan di Putrajaya



Dato' Menteri Besar bersama barisan pemimpin negeri melaungkan 'merdeka' sebanyak tujuh kali



Ratusan hadirin menghadiri program munajat diketuai Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir dan pendakwah Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid



Pasukan daripada Universiti Islam Selangor, antara 66 kontinjen, berarak melintasi pentas utama



Pasukan Tindakan Segera (Pantas) empat pihak berkuasa tempatan (PBT) berarak di hadapan pentas utama



Kumpulan peserta yang terlibat perarakan mengibar bendera Malaysia dan Selangor sambil menyanyikan lagu Jalur Gemilang di akhir persembahan



Muzik cempunting dipersembahkan pasukan dari Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)



Dato' Menteri Besar menyampaikan hadiah kepada kontinjen Majlis Bandaraya Shah Alam, juara kategori PBT



Orang ramai menyaksikan pertunjukan bunga api sebagai penutup tirai sambutan



Pasukan polis mengadakan pertunjukan demonstrasi mempertahankan diri pada malam Ambang Merdeka



Penyanyi tersohor Datuk Awie menghiburkan penonton dengan lagu popularnya Sejati dan Jacket Biru di hujung sambutan Ambang Merdeka



Demonstrasi menyelamat dipertontonkan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor

Tekad merdeka

SAMBUTAN Hari Kebangsaan ke-66 bertemakan Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan berlangsung meriah dengan kehadiran puluhan ribu pengunjung di Dataran Putrajaya, Putrajaya pada 31 Ogos.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan DYMM Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat hadir.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan barisan menteri turut menyertai acara tahunan tersebut, kali pertama sejak Kerajaan Perpaduan dibentuk sembilan bulan lalu.

Di Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah disertai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menghadiri majlis bacaan Yaasiin, tahlil dan doa selamat di Masjid Negeri pada 25 Ogos.

Amirudin bersama barisan pemimpin negeri menyambut Ambang Merdeka di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam menjelang tengah malam 31 Ogos.

Jurufoto FIKRI YUSOF, REMY ARIFIN dan MOHD ARIF merakam sebahagian acara menarik selama lebih enam jam. Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.



Demonstrasi menyelamat dipertontonkan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor

Hero drama Indonesia

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Bintang seni meningkat naik, Meerqeen mencatat sejarah apabila menembusi industri telefilem Indonesia yang jarang memandangkan bakat luar.

Anak jati Ampang berumur 21 tahun itu berlakon dalam naskhah negara seberang sebagai teraju utama menerusi drama berjudul Modus Operandi.

Kali terakhir pelakon Malaysia beraksi dalam drama televisyen di Indonesia ialah Allahyarham Ashraf Sinclair pada 2020 menerusi sinetron Dewi.

Modus Operandi yang diarah Makbul Mubarak turut menampilkan bintang Indonesia seperti Krito Immanuel, Yusuf Mahardika, Diandra Agatha dan Maudy Effrosina.

Ia ditayangkan sebagai drama web menerusi saluran YouTube Bank Rakyat Indonesia pada 4 November tahun lepas.

Bakat peserta Hero Remaja 2020 menjadi perhatian produksi negara seberang selepas membintangi musim pertama drama rantaian televisyen Melur Untuk Firdaus.

"Mereka nampak sesuatu dalam diri saya dan ia adalah penghormatan besar terutama apabila dapat

bekerjasama dengan Bank Rakyat Indonesia.

"Saya teruja dan pada masa sama gemuruh bekerjasama dengan mereka yang berpengalaman. Ini produksi pertama saya di sana dan sedikit sebanyak ada perbezaan ketara, terutama cara kerja," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Pemilik nama sebenar Muhammad Shameer Shauqeen Shaiful Izam mengakui drama Melur Untuk Firdaus musim pertama menjadikannya antara pelakon muda rebutan pelbagai rumah produksi termasuk dari Indonesia.

Pelakon paling popular

Namanya juga hangat dalam talian. Tanda pagar drama atau projek lakonan anak muda itu antara carian paling tinggi di laman sosial.

"Sejujurnya saya tidak pernah rasa popular atau memiliki nama yang besar. Saya merasakan perjalanan saya masih jauh.

"Mengekalkan nama dalam bidang ini memang susah kerana makin ramai pelakon hebat yang hadir setiap hari. Cara saya bertahan ialah dengan memilih projek yang bagus," katanya.

Atas sebab itu,

“

Mengekalkan nama dalam bidang ini memang susah kerana makin ramai pelakon hebat yang hadir setiap hari. Cara saya bertahan ialah dengan memilih projek yang bagus

Meerqeen tampil meneruskan drama Melur Untuk Firdaus bagi musim kedua. Hasilnya, drama rantaian itu mencetus fenomena dan nama beliau terus meniti di bibir peminat tegar drama Melayu.

Arahan Zamri Zakaria sebanyak 35 episod itu ditayang setiap hari pada jam 7 petang sepanjang Ramadan lalu.

Kemunculannya dalam drama dua musim itu menambat hati peminat. Dampak lakonannya telah menobatkan beliau pelakon televisyen paling popular dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian ke-35.

Meerqeen juga diangkat sebagai pasangan televisyen paling popular bersama gandingannya dalam drama berkenaan, Anna Jobling.

Anak saudara kepada penyanyi dan pelakon Safura Ya'acob itu bersyukur dengan populariti diraih pada usia muda.

Walau memenangi anugerah pelakon televisyen paling popular, Meerqeen menolak untuk mengenakan bayaran mahal kepada produksi yang mahu mengambilnya berlakon. Bagaimanapun, beliau bersikap selektif terhadap karya yang dilakonkannya selepas ini.

Selepas bercuti panjang pada Ogos lalu, jadual kerja lulusan Kolej Vokasional Gombak itu kembali padat bagi memenuhi permintaan sebagai dramatis.

"Sebagai seorang pelakon, hampir sepanjang masa kami bekerja. Macam bulan puasa lepas, lebih rancak saya bekerja mengumpulkan sebanyak mungkin rezeki untuk keluarga. Saya habiskan masa di set penggambaran," katanya.

Meski begitu, Meerqeen cuba mencuri masa untuk bersama keluarga yang dianggap sumber kekuatan. Baginya, kehadiran adik bongsu Muhammad Shaqeel Shauqeen menghilangkan rasa letih beraksi di hadapan kamera.

"Saya akan tersenyum melihatnya setiap pagi dan selepas penat balik kerja. Dia adalah sebab untuk saya rasa bahagia," katanya.





Bangkit lepas kedai dipecah pencuri

Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Kedai kena pecah masuk, barangan jualan tidak laku dan tempat berniaga lengang. Itu antara cabaran dilalui usahawan Zuraini Bakri, 42.

Insiden kecurian pada 2019 menyebabkan ibu kepada dua cahaya mata itu menanggung kerugian lebih RM10,000. Tidak lama selepas itu, kedai ditutup berikutan jualan tidak memuaskan kerana pasar raya tempatnya berniaga selalu lengang.

"Bagi orang yang ada modal besar, RM10,000 itu mungkin tak menjejaskan tetapi peniaga kecil macam saya cukup beri kesan besar," kata pemegang diploma pengurusan perniagaan Universiti Teknologi Mara.

Zuraini mula berniaga sepenuh masa pada 2011 selepas enam bulan melahirkan anak sulung. Pada masa itu, beliau menjual beg tangan berjenama menerusi Facebook.

Bekas eksekutif kewangan syarikat petroleum terkemuka dunia itu menjual beg tangan yang diperolehi terus dari China. Perniagaannya ketika itu meraih untung bersih RM10,000 sebulan.

"Tetapi tak bertahan lama. Bila pasar raya borong di Klang dan Kuala Lumpur dibuka, orang sudah boleh beli beg tangan berjenama di

sana. Barang kita susah nak jual. Pada 2015 saya berhenti berniaga," ceritanya.

Zuraini tidak duduk diam. Melalui modal sebanyak RM5,000, beliau mencuba pula berniaga kain tudung jenama terkenal Naelofar pada 2016.

Pada mulanya, beliau berniaga dalam talian di Facebook dan Instagram. Sambutan sangat baik sehingga perniagaannya terpilih sebagai 10 stokis jualan tertinggi di Malaysia.

Pada 2017, beliau membuka kedai di pasar raya baru dibuka di Kota Damansara. Namun, pasar raya terbabit selalu lengang. Beliau cuba bertahan berbekalkan simpanan Amanah Saham Bumiputra.

Kembali bernafas

Beberapa bulan kemudian kedai di pasar raya itu ditutup sebelum berpindah ke pusat beli-belah Aeon Nilai, Seremban dengan modal RM5,000 yang dipinjam daripada Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah).

"Nasib baiklah ada Hijrah, dapatlah saya bernafas sikit untuk mulakan berniaga tempat baharu.

"Syukur di Aeon Nilai barulah jualan meningkat. Selain itu berniaga dalam talian juga membantu dan sampai sekarang saya ada tiga orang ejen di Singapura," katanya.

Tidak berapa lama selepas itu, Zuraini mengembangkan sayap perniagaan dengan membuka cawangan di pusat beli belah Aeon Rawang, Hulu Selangor.

Dua cawangan yang dimilikinya membolehkan beliau memperolehi jualan purata lebih RM45,000 sebulan.

Zuraini turut memohon skim i-Bermusim Hijrah berjumlah RM10,000 pula pada 2022 untuk menambah stok menjelang musim perayaan Aidilfitri.

"Masuk bulan puasa jualan naik mendadak tetapi bergantung juga kepada modal yang kita ada untuk tambah stok.

"Kalau modal pusingan tidak banyak, tidak dapatlah nak tambah stok dan jualan pun tidak banyak. Rasa rugi lepaskan peluang. Jadi saya mohon i-Bermusim untuk tambah stok," katanya.

Syarat skim i-Bermusim menetapkan bayaran jangka pendek dalam tempoh enam bulan mampu dilunaskan beliau berikutan jualan musim raya memberangsangkan.

Pada musim perayaan Aidilfitri 2022 dan 2023 Zuraini memperoleh nilai jualan melebihi RM100,000.

Selepas mengharungi pelbagai cabaran berniaga, keyakinan Zuraini semakin bertambah untuk membuka butik besar dengan jenamanya sendiri pada masa depan.



Terplastik

Oleh **QURRATUL 'AIN**
Ilustrasi **FAHMI MUSTAFFA**

Dia terdengar sayup-sayup, antara arus-sedar yang tercalar: ada dua wanita sedang mengasihani nasibnya. Dia merasakan perbualan tadi berakhir dengan keluhan dan anggukan. Dan percakapan memudar jauh, tercelup oleh jelaga udara. Darahnya sendiri yang terhidu. Pisau Swiss masih terasa hangat membelah dada kiri dan leher. Sakunya kempis, dia sudah agak; sempat beberapa keping ratus diseluk oleh dua lelaki keding dan selekeh. Itu sahaja dia mampu imbau. Sekarang, dia meringkuk di sini umpama kata-kata dalam liputan surat, enggan dibaca. Dia tidak pasti dia masih hidup kerana selembat plastik gergasi membataskan dia dan orang-orang di sekeliling. Tetapi dia masih boleh menelan liur kahak, merasa semut merangkak di dahi.

Plastik putih berbalar biru-biruan. Sangat nipis dan lirih. Dia menggigil tiba-tiba. Liang roma mengembang. Dia selalu dengar-dengar orang berkata, sebelum maut membuka tirainya, kita menonton lintas hidup sendiri. Pita memori berurai. Nipis plastik ini mengingatkannya kepada sebuah keputusan yang nipis; senipis tingkap biliknya. Ini peristiwa sedekad lalu: bagaimana dia terburu-buru membuat keputusan untuk berpindah ke negeri lain. Entah kenapa dia percaya pada khidmat gerabak berusia sembilan-puluh tahun yang terletak tidak jauh dari rumah. Demi mencari teduhan asing di benua yang lebih bersih ketimbang daerahnya, dia sanggup menjadi mendonan.

Tanpa seucap bahasa dia kenal. Tanpa loghat dia mesra. Betapa dia menderita selama berada di dalam gerabak kereta api yang uzur itu; terhimpit-himpit oleh beberapa orang sekampung yang sangat berbangga membawa identiti mendonan juga. Mengapa mereka ingin meniru pengorbanannya? Bukankah mereka sudah ada tanah pusaka? Bukan dia tak tahu ubi gendut dan berisi di belakang laman pusaka? Sedang dia yang dituduh kutu kampung. Dia tidak faham mengapa ramai meledak keluar bersama-sama. Mungkin mereka tergoda dengan tawaran di negeri asing. Cahaya musim kemarau terhunus masuk lewat jendela kereta api; memanggang bayang-bayang dan harapan. Memang ia bukan mitos yang sengaja menakutkan. Siapa ingin menjadi pelarian?

Kewujudannya hampir lecur oleh siang terik. Namun peristiwa silam apa pun tidak lagi

penting kerana masa kini menjadi dinding yang begar, tidak tahu berapa lama mesti bertahan dalam selubung; semakin merimaskan.

Dia yakin dia sedang dirapati remang maut yang berbahang. Haus amat, dia merungut. Di luar tebing plastik ini perlahan-lahan mendung. Kalau dapat dihitung, nafasnya cukup-cukup sahaja untuk daya memori. Dia pun sempat leka membayangkan hitam manis kola bergelajak dingin. Yang likat bergula mengairi hidup. Tin dibuka. Seolah seseorang sengaja menumpahkan. Buih-buih dan desir pepsi perlahan berombak menjadi malam kecoklatan yang melekat di luar muka restoran - di tempat dia bertemu-janji dengan seorang perempuan di kota, lama dulu. Inilah pertama kali dia tahu bahawa merancang pertemuan tidak semestinya sepayah hidup di kampung dulu. Tidak perlu ditentukan oleh kemahuan dan izin bapa. Tidak perlu cinta ditimbang oleh penilaian orang tua. Cinta di negeri asing adalah bertemu untuk memesan makanan bersama. Perempuan dicintai tidak perlu menyembunyikan wajah. Perempuan-perempuan tidak perlu diganti tiga ekor sapi gemuk seperti bapa mertua mereka.

Jadi, inilah kebebasan seorang pelarian - bercinta di daerah baharu. Juga kemunduran memori sebagai kekuatan untuk bertahan di tempat asing. Tetapi mengenang tidak akan menterbalikkan keadaan. Atau memulangkan dia ke lorong belakang kampungnya.



Sayap Yang Tercarik

kibaskan sayap tersimpan
awas, deru angin selalu melawan

awan gemalai dengan putih gebunya
meluruhkan gusar pada musim duka

sepetak hatimu yang basah di jemuran
nanti dikeringkan mentari

hidup ini pergulatan
menegal angin dan hujan
dengan sayap yang tercarik
berulang, kembali dijahit

Sarah Ross

Dalam plastik selofan ini deru darah semakin lembap dan tambah berkulat. Nafas membintik keras, berbau tengik. Siren bagai tangisan yang runcing. Tubuhnya yang sejak tadi terdiam terus diangkat oleh empat orang bersarung hazmat. Dengan kiraan tiga dua satu, mereka tercungap-cungap memasukkan dirinya yang kesusutan ruh ke dalam sebuah kenderaan dengan pintu luas terkuak. Dia tahu itu bukan lawang bermutiara putih. Dia tahu ke mana dia akan tiba nanti. Neraka sedang mendingin di dalam peti yang akan membekukan setiap inci kehidupan. Terasa diri kembali janin, memakan kembarnya.

Dunia, dan kumat-kamit serta bisik-membisik orang ramai di belakangnya memekat, menjadi gel bening dan sejernih-jernih kesedihan, dan semua...

(...semua memori bahagia dan buruk terlintas di luar keping selofan ini. Dia tidak berdaya mengingati bagaimana nikmat memandang ke luar tingkap sebagai manusia, bukan mendonan, bukan juga pendatang. Tujuan hidupnya telah diperolok-olok oleh takdir. Memang, Manusia menjalani hidup dengan mengutip serpih memori silam kerana ini sahaja cara mewajarkan silang igau dan moral mereka. Mereka sihat kerana khasiat kenangan. Tetapi dia sakit kerana mengenang-nenang juga. Seperti saat ini. Mengenang dalam berkeadaan malang...)

Dan apakah dia akan dikenang? Sebagai mendonan berbeza kulit dan bahasa atau seorang manusia terpilih untuk bernasib malang? Sebagai mangsa yang ditikam peragut? Apakah kematian dia akan diperagakan dalam berita esok pagi? Persoalan sudah menjadi bilah pisau guillotine. Beberapa doktor dan jururawat semacam cemas dan gelisah. Dia terasa jalur nafasnya dipancung oleh sesuatu yang berkilat. Mungkin sabit malaikat maut. Mungkin pisau skalpel doktor. Moga-moga namanya pada akhbar terkesat oleh bintik hujan dan tak terbaca oleh seorang perempuan (entah bekas kekasihnya, entah pelacur yang pernah bersimpati kepadanya). Dilupakan. Diremehkan.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/



PRIHATIN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau pesakit di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada 3 September. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Dibentang dalam belanjawan Oktober

Gaji ahli akademik, penjawat awam naik

SHAH ALAM - Pelarasan tangga gaji pensyarah, profesor dan penjawat awam dibentang Belanjawan Madani kedua di Parlimen pada Oktober, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga menteri kewangan menjelaskan langkah sementara itu dibuat sehingga kajian menyeluruh skim gaji dan persaraan penjawat awam selesai pada tahun depan, lapor Bernama.

"Saya tengok pelarasan gaji pensyarah, profesor dan penjawat awam

10, 12 tahun tidak dikaji, tidak dinaikkan padahal mengikut peruntukan, setiap 10 tahun perlu ada pelarasan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Temu Anwar yang dihadiri hampir 4,000 pelajar, pendidik dan orang awam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai pada 3 September.

Turut hadir, Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Naib Canselor UTM Profesor Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail.

Anwar menjelaskan satu jawatankua-

sa telah dibentuk untuk mengkaji perkara tersebut sementara menantikan kajian menyeluruh yang mengambil masa sehingga enam bulan.

Pada Ogos, perdana menteri memberi jaminan gaji penjawat awam naik sedikit bagi mengimbangi kenaikan kos sara hidup berikutan 1.3 juta kakitangan tiada kenaikan sejak dua tahun lalu.

"Mengikut amalan, setiap 10 tahun kena ada kajian kenaikan gaji (penjawat awam), tapi dalam pemerintahan kerajaan sebelum ini perkara itu tidak berlaku," beliau dipetik berkata.

Naik taraf kemudahan hospital

SHAH ALAM - Peruntukan segera RM500 juta diluluskan bagi membangunkan fasa pertama projek menaik taraf kemudahan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kerja itu merangkumi pembinaan parkir bertingkat dan beberapa blok baharu yang dijadual bermula tahun ini, lapor Bernama.

"Kita mahu projek ini disegerakan dan projek berjumlah setengah bilion

itu (RM500 juta) diluluskan," kata menteri kewangan itu ketika melawat hospital tersebut pada 3 September.

Anwar menambah pembinaan parkir dan kompleks bertingkat bertujuan memenuhi keperluan perkhidmatan di hospital berkenaan sekali gus mengatasi masalah kesesakan pesakit.

"Perkara ini terbengkalai sekian lama dan tiada tindakan, kini giliran saya dan (Menteri Kesihatan) Dr Zaliha Mustafa, kita ambil tindakan segera dan telah

diluluskan," katanya.

Menjelaskan projek pembinaan HSA 2 dalam perancangan lanjut, Anwar berkata keadaan di HSA yang berkeluasan kira-kira 40 hektar perlu diatasi segera sementara menunggu hospital baharu.

"(HSA 2) dalam rancangan separuh penggal RMK-12 (Rancangan Malaysia Ke-12) dan berikutnya, tapi (keadaan HSA) tak boleh bertahan sementara menunggu hospital baharu," katanya.

PM temu pemimpin Islam Indonesia

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan tiga hari ke Indonesia bertemu pemimpin gerakan dan pertubuhan Islam di republik itu.

Beliau yang menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-43 di situ meluangkan masa bertukar pandangan dengan mereka pada 5 September, lapor Bernama.

"Dalam perbincangan ini, kami banyak menyentuh tantangan (cabaran) pemikiran, keilmuan, dakwah dan isu yang dihadapi dunia Islam," katanya.

Anwar menyifatkan pertemuan itu bermakna selain mengimbuai sejarah beliau sebagai aktivis yang pernah belajar daripada tokoh Islam Indonesia termasuk Mohammad Natsir dan Buya Hamka.

Modul hadis pamer ajaran sebenar

SHAH ALAM - Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi yang dilancarkan Kementerian Pendidikan pada 19 Ogos khusus untuk pembelajaran murid beragama Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan beliau sebagai pemimpin bertanggungjawab untuk memastikan Islam dihayati dan difahami dengan betul, lapor Bernama.

"Mata pelajaran ini untuk anak-anak Islam dalam Pendidikan Islam," katanya sambil menambah tiada paksaan kepada mana-mana pelajar bukan Islam untuk mempelajari modul tersebut.

Program rintis dijalankan meliputi 61 sekolah menengah kebangsaan agama dan 228 sekolah agama bantuan kerajaan di seluruh negara. Bagaimanapun, ia menimbulkan kebimbangan bukan Islam.

Modul itu bertujuan memupuk penghayatan hadis pada peringkat sekolah selain memupuk kasih sayang dan menerapkan kefahaman agama kepada pelajar beragama Islam.

Hulur sumbangan buat anak P Ramlee

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim menghulur bantuan kepada Sazali, anak Seniman Agung P Ramlee, yang terlibat dalam kemalangan hingga dikategori sebagai orang kurang upaya (OKU).

Sumbangan itu disampaikan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Ahmad Farhan Fauzi pada 1 September bagi meringankan beban Sazali yang tidak lagi berupaya bekerja.

"Malang buat beliau tatkala terlibat dengan kemalangan sehingga jatuh dalam kategori OKU dan tidak lagi punya kekuatan untuk bekerja dan mencari rezeki.

"Kini isterinya memerlukan perhatian dan rawatan segera dari doktor akibat masalah tulang belakang dan saraf di leher," katanya di Facebook.

Muhyiddin, Hadi disiasat polis

SHAH ALAM - Pengerusi Perikatan Nasional Tan Sri Muhyiddin Yassin disiasat berikutan dakwaannya haram mengundi calon Pakatan Harapan dalam pilihan raya kecil Parlimen Pulau.

Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain menjelaskan siasatan itu dibuat lantaran kenyataan tersebut boleh menimbulkan ketakutan dan kegentaran awam, lapor Bernama.

"Tindakan selanjutnya polis akan mengambil keterangan beliau (Muhyiddin) dalam masa terdekat," katanya pada 4 September.

Sementara itu, Presiden PAS Tan Sri Abdul Hadi Awang pula disiasat berikutan kenyataannya yang mempertikai kuasa Lembaga Pengampunan dalam ceramah di Bakri, Muar pada bulan lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay menambah pihaknya merakam keterangan Hadi yang cuma menjawab lima daripada 24 soalan pada 5 September.

Sambutan Hari Malaysia di Kuching

SHAH ALAM - Hari Malaysia peringkat kebangsaan dijadual berlangsung di Stadium Perpaduan, Kuching, Sarawak pada 16 September, kata Jawatankuasa Media dan Publisiti (JKMP) sambutan itu.

Keputusan tersebut dibuat jemaah menteri dalam mesyuarat pada 24 Jun antara lain menetapkan sambutan berkenaan diadakan secara bergilir-gilir antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Majlis berkenaan dijadual bermula jam 8.30 malam dengan ketibaan Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak Tan Sri Amar Mohamad Asfia Awang Nassar, lapor Bernama.

Tetamu kehormat yang dijangka hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Premier Sarawak Tan Sri Dr Abang Johari Tun Openg dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor.

Hari Kebangsaan luar biasa meriah

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahir penghargaan kepada Kerajaan Perpaduan berikutan sambutan Hari Kebangsaan yang luar biasa meriah.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara MeJen Datuk Zahari Mohd Ariffin berkata Seri Paduka kagum menyaksikan persembahan kontinjen yang mempamer semangat kenegaraan, lapor Bernama.

Katanya, Seri Paduka menyifatkan acara itu besar maknanya berikutan

Baginda dan Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menyambutnya buat kali terakhir selaku Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong.

"Sambutan ini menjadi kenangan manis yang akan sentiasa dalam ingatan buat Seri Paduka Baginda berdua," katanya dalam kenyataan pada 1 September.

Lebih 100,000 orang membanjiri Dataran Putrajaya bagi menyaksikan persembahan melibatkan 17,262 peserta, 67 kontinjen, 36 kumpulan pancaragam, 534 aset darat dan aset udara.

Sambutan berkenaan turut diikuti jutaan rakyat secara langsung menerusi televisyen dan media sosial.

Zahari menambah Al-Sultan Abdullah berharap semangat dalam perayaan tersebut mencerminkan keakraban rakyat pelbagai kaum sekali gus memperkukuh keharmonian negara.

Beliau berkata Seri Paduka juga menzahir penghargaan kepada seluruh rakyat yang merai acara tersebut dan mengajak mereka berdoa agar kedaulatan negara terus terpelihara.

Bertambah di pasaran

Bekalan beras pulih dalam sebulan

SHAH ALAM - Pengeluaran beras putih tempatan di seluruh negara dijangka pulih dalam tempoh sebulan menerusi program khas Beras Putih Tempatan (BPT).

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata pihaknya mengambil beberapa langkah termasuk meminta pengilang meningkatkan 20 peratus bekalan di pasaran bagi penyelesaian jangka pendek.

Datuk Seri Mohamad Sabu berkata sesi libat urus dibuat dengan peme-

gang taruh dalam industri padi dan beras bagi membincangkan kaedah memulihkan pengeluaran, lapor Bernama.

"Menerusi sesi itu, kementerian akan menerangkan kaedah dan mekanisme berkaitan bekalan beras tempatan negara, meliputi penyelesaian jangka sederhana dan panjang," katanya.

Beliau mengulas strategi untuk memulihkan pengeluaran beras putih tempatan selepas meninjau bekalan

berkenaan di Giant Tampoi, Johor Bahru pada 5 September.

Mohamad Sabu berkata inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan dijangka memulihkan pengeluaran berikutan projek itu menghasilkan 11 metrik tan padi setiap sehektar.

Beliau juga menjelaskan usaha berkenaan dapat memulihkan pengeluaran beras berikutan permintaannya meningkat susulan peningkatan harga beras import.

5,000 jualan murah barangan terpilih

SHAH ALAM - Jualan Agro Madani yang memberi penjimatan antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran bagi barangan terpilih giat dijalankan di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan kerajaan menyasar 5,000

sesi jualan itu membabitkan nilai RM39 juta dibuat pada tahun ini.

Beliau menambah sebanyak 1,559 program sedemikian diadakan setakat 27 Ogos membabitkan jualan RM32.7 juta dengan penjimatan RM9.81 juta, lapor Bernama.

"Seramai 25,073 usahawan menyer-

tai program jualan ini membabitkan 779,000 pengunjung," katanya dalam kenyataan pada 3 September.

Program berkenaan antara usaha berterusan kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat di samping membantu meningkatkan pendapatan usahawan tani.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita selangorkini.my hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor



Sedia kemudahan sekitar bandar raya

Pengecas percuma kenderaan elektrik

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan 10 pengecas kenderaan elektrik (EV) percuma di beberapa lokasi bawah kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Datuk Bandar Shah Alam Dr Nor Fuad Abdul Hamid berkata kemudahan itu boleh didapati di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Wisma MBSA dan pejabat cawangan MBSA, lapor Bernama.

Katanya, MBSA sedang mengenal pasti lokasi sesuai untuk menambah pengecas berkenaan terutama di pusat bandar dan pusat beli-belah

sekitar Shah Alam berdasarkan permintaan orang ramai.

"Setakat ini, MBSA ada 10 pengecas EV dengan kerjasama Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air. Sekarang banyak syarikat swasta berminat bekerjasama dengan MBSA bagi membina pengecas.

"Kami sedang selaraskan dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebab garis panduannya baru dilancarkan, begitu juga daripada Kementerian Pengangkutan,"

katanya pada 4 September.

Beliau ditemui dalam persidangan antarabangsa Eastern Asia Society For Transportation Studies (EASTS) ke-15 yang disempurnakan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Hasbi Hasbollah pada 4 September.

Kerajaan Selangor bercadang untuk menyediakan 1,000 pengecas EV menjelang akhir tahun ini khususnya sekitar Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Kajang dan Ampang



MPS kutip cukai RM65.31 juta

GOMBAK - Sebanyak RM65.31 juta cukai taksiran dikutip Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dalam tempoh tujuh bulan, melebihi separuh daripada jumlah yang perlu dikutip pada tahun ini.

Yang Dipertuanya Datuk Mohd Yazid Sairi menjelaskan pungutan berkenaan meliputi 57.29 peratus daripada RM114 juta yang perlu dikutip.

Beliau menambah sebanyak 67,059 bil kepada pembayar cukai dihantar

melalui e-mel manakala 36,753 lagi menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dalam penggal kedua tahun ini.

"Kita juga menyita harta alih milik 1,534 akaun pembayar cukai yang warannya diserahkan mulai 1 Julai," katanya pada 31 Ogos.

Mohd Yazid menjelaskan MPS juga mengutip RM357,748.68 bayaran lesen yang dilunaskan peniaga melalui 953 tran-

saksi menerusi portal MyMPS setakat Julai.



Diskaun kompaun parkir

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menawarkan pengurangan kompaun parkir serendah RM15 sehingga 17 September sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Yang Dipertuanya Noraini Roslan berkata tawaran itu melibatkan pelbagai kesalahan trafik kecuali meletak kenderaan di petak khas untuk orang kurang upaya dan menyebabkan halangan.

"Orang ramai digesa merebut peluang keemasan ini dengan menjelaskan tunggakan kompaun serendah RM15 sebelum tindakan lebih tegas dikenakan," katanya pada 30 Ogos.

Bayaran boleh dibuat melalui aplikasi JomPay, i-Kiosk atau laman web ipay.mpklang.gov.my. Maklumat lanjut hubungi 03-33758038 atau 03-33758037.



Jual minyak terpakai

SHAH ALAM - Orang ramai terutama penduduk sekitar Sepang boleh menjana pendapatan melalui jualan minyak masak terpakai.

Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) memaklumkan minyak yang dibeli mengikut harga pasaran semasa akan diproses menjadi biodiesel.

"Minyak masak yang sudah digunakan boleh dikumpulkan dalam satu bekas yang bersesuaian dan boleh hadir ke pusat inovasi Sepang untuk menjualnya," katanya menerusi Facebook pada 30 Ogos.

Mereka yang berminat boleh hadir setiap hari Isnin sehingga Jumaat mulai 9 pagi hingga 4 petang.

Penerbit popular di pesta buku MBPJ

SHAH ALAM - Pelbagai kegiatan menarik menanti pengunjung Ekspo Buku Petaling Jaya di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mulai 9 hingga 17 September.

Pertandingan mewarna dan bercerita, bicara buku serta nyanyian antara pengisian program edisi ketiga yang dijadual berlangsung antara jam 9 pagi hingga 6 petang.

Seminar Perdana Sijil Pelajaran Malaysia secara percuma juga diadakan dalam pengisian program dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia.

Sebelum ini, Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata lebih 30 penerbit popular menyertai ekspo itu antaranya Institut Buku Darul Ehsan, PTS dan Iman Publications.

MBPJ turut menyediakan baucar pembelian buku kepada pengunjung terawal bagi menggalakkan mereka membeli bahan bacaan yang diminati pada harga rendah.

Rakan strategik MBPJ seperti institusi pengajian awam dan swasta turut menjayakan beberapa aktiviti kepada pengunjung antaranya pemeriksaan gigi oleh Lincoln University.



KENYATAAN SEBUTHARGA

Media Selangor Sdn Bhd ("MSSB") mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Memberi Cadangan (RFP) sebagai Penyedia Perkhidmatan Percetakan dan Pengedaran Akhbar Selangor Kini keluaran Kerajaan Negeri Selangor.

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENYERTAAN TAWARAN	MAKLUMAT TAWARAN	
TAJUK SEBUTHARGA: CADANGAN PENYEDIA PERKHIDMATAN PERCETAKAN DAN PENGEDARAN AKHBAR UNTUK MEDIA SELANGOR SDN BHD NO SEBUTHARGA: MSSB/JKP/SH/2023/1	1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tempoh Jualan Dokumen	7/09/2023 hingga 13/09/2023
	2. Mempunyai modal berbayar berjumlah sekurang-kurangnya RM100,000 ke atas	Tarikh Tutup Penyerahan Dokumen Sebutharga	15/09/2023 pada jam 6.00 petang
	3. Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan percetakan dan pengedaran akhbar sekurang-kurangnya 1 tahun minima secara kumulatif	Harga Dokumen	RM100.00

PROSES PENYERTAAN SEBUTHARGA

Penyedia perkhidmatan yang berminat untuk membeli dokumen sebutharga di Pejabat Media Selangor Sdn Bhd.

Penyedia perkhidmatan diingatkan bahawa sebarang bayaran pembelian dokumen sebutharga tidak akan dikembalikan kecuali di atas sebab pembatalan oleh pihak MSSB.

Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis bilangan No. Sebutharga dan dihantar pada atau sebelum 15/09/2023 jam 6.00 petang dan dimasukkan ke dalam:

Peti Sebutharga/ Tender
 Media Selangor Sdn Bhd
 Aras 11, Menara Bank Rakyat,
 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14
 40000, Shah Alam, Selangor

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Perolehan Media Selangor
perolehan@mediaselangor.com
 03-5523 4856

Kupon RM20 ke pesta buah Selangor

SHAH ALAM - Jabatan Pertanian Negeri Selangor (JPNS) mempelawa orang ramai ke Pesta Buah-Buahan Tempatan Negeri Selangor 2023 pada 9 dan 10 September di pusat beli-belah SACC.

Pelbagai jenis buah-buahan tempatan disediakan sepanjang program selain 3,000 kupon percuma bernilai RM20 disediakan kepada pengunjung terawal untuk setiap keluarga.

"Selain kupon percuma, pelbagai aktiviti menarik menanti seperti kenal dan makan buah, pertandingan mewarna, ukir buah, makan buah, kupas nangka dan teka berat buah.

"Selain itu ada pertunjukan fesyen, persembahan artis dan reruai jabatan serta agensi berkaitan turut disediakan," menurut kenyataan JPNS pada 1 September.

Pesta dari jam 10 pagi hingga 10 malam itu usaha sama JPNS dengan Unit Perancang Ekonomi Selangor sempena Jelajah Agro Selangor.

Antara program menarik termasuk taklimat pengenalan variasi 'Raja Buah', pertandingan makan buah nenas dan ceramah 'Makan Buah Tempatan Sebabkan Angin dan Pelbagai Masalah Kesihatan: Fakta atau Mitos?' oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

67,788 terima bantuan pendidikan

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan bantuan sebanyak RM38.3 juta kepada 67,788 penerima bagi keperluan pendidikan dan yuran tahun ini.

LZS memaklumkan sumbangan meliputi bantuan yuran dan kelengkapan persekolahan itu bertujuan menambah semangat dalam menuntut ilmu penerima yang terdiri daripada asnaf fakir

dan miskin serta mualaf.

"Kesedaran untuk mengubah kehidupan yang lebih baik bermula dengan pendidikan.

"Terima kasih warga Selangor yang membayar zakat kerana anda telah memberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik," katanya di Facebook pada 1 September.

LZS memaklumkan bantuan wang tunai boleh disalurkan melalui zakatselangor.com.my untuk diagih kepada golongan memerlukan.

Hampir RM480 juta zakat diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin di negeri Selangor.

Ia termasuk agihan bantuan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan kecemasan dan sebagainya.

Setara pengajian tinggi awam lain

Unisel diiktiraf IPT berdaya saing

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) diiktiraf sebagai Berdaya Saing bagi Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (Setara) 2022 oleh Jabatan Pendidikan Tinggi.

Pengarah Komunikasi Korporatnya Hasril

Abu Hassan menjelaskan Unisel antara 90 institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang menerima pengiktirafan berkenaan.

"Setara merupakan sistem penilaian bertujuan

mengukur jaminan kualiti dan standard IPT bagi universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) kategori universiti dan kolej universiti.

"Penilaian Setara dilaksanakan berdasarkan instrumen dan indikator penilaian yang ditetapkan bagi memacu kepada peningkatan pendidikan berkualiti," katanya pada 2 September.

Berkongsi kejayaan itu, Hasril turut

mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan warga Unisel bawah pentadbiran Presiden dan Naib Canselor Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman.

"Semoga warga Unisel terus berdaya saing untuk mencapai lebih kejayaan di masa depan," katanya.

Unisel yang ditubuhkan pada Ogos 1999 beroperasi di dua kampus, masing-masing di Bestari Jaya, Kuala Selangor dan Seksyen 7 dekat sini.

Penubuhan pusat pengajian tinggi itu seiring hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai hab pendidikan serantau terunggul.

Sehingga kini, Unisel mencatat beberapa kejayaan antaranya pertandingan inovasi antarabangsa sempena Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) pada Mac selain penyelidikannya meraih pingat emas menerusi Pameran Reka Cipta, Inovasi dan

Teknologi Antarabangsa (ITEX 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur tahun lalu.

Hujung tahun lalu, beberapa pelajar memenangi pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) peringkat kebangsaan.

Menerusi belanjawan tahun ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM5 juta kepada Unisel serta Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) bagi memastikan pusat berkenaan setanding IPT terkemuka dalam negara dan antarabangsa.



Kembang niaga percuma

SHAH ALAM - Sebanyak 40 syarikat pemula menyertai latihan dan bimbingan percuma menerusi Program Pemecut Selangor (SAP) sejak minggu lalu, maklum Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

Eksekutif e-Dagangnya berkata ia membabitkan syarikat daripada sektor kecerdasan buatan (AI), impak kemampanan, teknologi kesihatan, teknologi agrikultur dan bioteknologi.

Menurut Mohamad Khairul Ikhwan Mohamad Saufi, syarikat pemula itu dipilih daripada lebih 200 penyertaan yang diterima bagi mengikuti program


mengembangkan perniagaan selama tiga bulan.

"Kita kenal pasti 40 syarikat pemula untuk mengikuti latihan intensif ini berbanding 30 pada lima siri terdahulu kerana banyak cabang difokuskan kali ini.

"Peserta akan diberi bimbingan bagaimana untuk buat 'pitching' (pembentangan) seabab di penghujung program kita sasar bawa mereka bentang depan pelabur," katanya ketika dihubungi pada 30 Ogos.

Sejak diperkenalkan pada 2018, seramai 120 usahawan e-dagang berjaya dilahirkan menerusi SAP setakat ini.

SAP merupakan program berstruktur selama tiga bulan bertujuan memberi persediaan kepada syarikat pemula dalam menerima pelaburan.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000015790	CONSTRUCTION OF NEW RESIDUAL TREATMENT FACILITIES AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT BERNAM RIVER HEADWORKS WTP
2.	PN0000015797	CONSTRUCTION OF NEW GRIT CHAMBER FOR THE IMPROVEMENT OF RESIDUAL TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT BATANG KALI WATER TREATMENT PLANT
3.	PN0000015837	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR KG. SG. CHINCHIN, GOMBAK
4.	PN0000015753	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR LANGAT 2 SYSTEM - UTILIZATION OF LANGAT 2 AU3 27ML RESERVOIR, GOMBAK
5.	PN0000015814	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT AIR SELANGOR'S PUMP HOUSES AND RESERVOIRS (PACKAGE 5A) 1. BANDAR BARU SELAYANG 2. PUNCAK TEMPLER 3. MEDAN PUTRA
6.	TBA	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT AIR SELANGOR'S PUMP HOUSES AND RESERVOIR (PACKAGE 6A) 1. TAMAN SERI SEMENTA PUMP HOUSE, KLANG 2. BATU 8 SIJANGKANG, KUALA LANGAT.

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



MERIAH... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (dua, kanan) melepaskan peserta FM Fun Run (Unicorn Run) 5km selepas merasmikan Fit Malaysia Selangor di Gamuda Cove Central Park, Kuala Langat pada 2 September. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Hadapi kelayakan Piala Asia

Enam pemain muda negeri wakili negara

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Enam pemain muda Selangor FC beraksi mewakili negara menghadapi saingan Kumpulan H bagi Kelayakan Piala Asia yang berlangsung di Thailand.

Menurut Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Mukhairi Ajmal, Syahir Bashah, Ruventhiran, Harith Haiqal, Zikri Khalili dan Izwan Yuslan memulakan latihan di Chonburi, Thailand sejak 4 September.

"Pengendali skuad E Elavarasan turut memanggil Syahmi Adib dan Muhammad Khalil dalam senarai bersedia," menurut laman rasmi Selangor FC pada 1 September.

Skuad negara membuka aksi Kumpulan H berdepan Bangladesh pada 6 September sebelum menentang Filipina (9 September) dan aksi terakhir melawan Thailand (12 September).

Sebelum ini, skuad muda negara berdepan prestasi hambar apabila terkandas peringkat kumpulan Sukan SEA

Kemboja pada Mei dan meraih tempat keempat dalam Piala AFF B-23 bulan lalu.

Kali ini, dua pemain yang berpangkalan di luar negara iaitu Luqman Hakim Shamsudin dan Nooa Laine turut menguatkan lagi pasukan negara.

Menerusi kempen kelayakan, juara kumpulan bersama empat naib juara kumpulan terbaik layak ke Piala Asia B-23 2024 di Qatar yang turut menawarkan slot ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Bantu legenda sepak takraw

KLANG - Kerajaan Selangor dan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (Yakeb) membantu legenda sepak takraw negara Suhaimi Yusof dengan menghulurkan bantuan perubatan.

Exco Sukan Najwan Halimi berkata Suhaimi, 55, yang diserang strok dan mengalami pendarahan

otak diberi sokongan sewajarnya bagi memastikan kebajikannya terpelihara, lapor Bernama.

"Pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial telah serahkan pencen ilat dan peralatan sokongan untuk rawatan, Kerajaan Negeri juga akan memberi bantuan kewangan berdasarkan keperluan rawatannya.

"Suhaimi berjasa kepada negara dengan menyumbangkan pingat emas di Sukan Asia Beijing 1990 dan kini berkhidmat sebagai penolong jurulatih pasukan sepak takraw negara," katanya.

Suhaimi, antara individu penting dalam sukan sepak takraw negara, menghadapi penyakit tersebut sejak tiga bulan lepas sekembalinya dari Sukan SEA 2023 di Kemboja.

Mara separuh akhir Piala Presiden

SHAH ALAM - Skuad Selangor FC bawah 20 tahun mara ke separuh akhir Piala Presiden 2023 selepas menewaskan Sri Pahang FC menerusi penentuan penalti 4-1 pada 4 September.

Pada aksi di Stadium UM Arena itu, kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan secara agregat sebelum perlawanan ditentukan melalui sepakan penalti.

Skuad bimbingan Firdaus Tan dijadual menentang pasukan Negeri Sembilan dalam aksi timbal balik pada 11 dan 18 September untuk memburu slot akhir Piala Presiden.

Selangor FC memulakan saingan separuh akhir pertama di Stadium UM Arena dan berkunjung ke Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi untuk aksi perlawanan kedua.

Sukan ekstrem di Gua Damai

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selangor (MPS) menjemput orang ramai memeriahkan Karnival Ekstrem Gua Damai pada 16 dan 17 September ini.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan terdapat sembilan aktiviti menarik pada program di Taman Ekstrem Gua Damai, Kampung Wira Damai, Batu Caves.

"Jom luangkan hujung minggu anda bersama kami di Karnival Ekstrem Gua Damai 2023. Karnival ini akan menampilkan acara sukan ekstrem termasuk acara untuk kanak-kanak.

"Antara aktiviti menarik lain yang turut diadakan ialah futsal, memanah dan senamrobik. Hadiah cabutan bertuah turut menanti orang ramai pada karnival dua hari berkenaan," katanya di Facebook pada 5 September.

Sebarang maklumat lanjut, anda boleh hubungi Jabatan Landskap MPS di talian 03-61266016.

Pasukan ragbi dapat geran RM5,000

SHAH ALAM - Sebanyak 14 pasukan yang beraksi dalam Kejohanan Ragbi Piala Agong 2023 antara 23 September hingga 21 Oktober bakal menerima geran RM5,000.

Pengarah pertandingan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) Fahmy Jalil berkata pemberian itu tambahan kepada hadiah wang tunai RM60,000 yang disediakan penganjur.

Beliau menambah pihaknya menyediakan dana tambahan RM2,000 kepada semua pasukan yang menjadi tuan rumah.

"Kejohanan kali ini bermula dengan aksi peringkat kumpulan yang diadakan secara liga sepusingan (round robin), dengan lima juara kumpulan dan tiga naib juara terbaik mara ke suku akhir," katanya pada 29 Ogos.



NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

bersama penduduk pada program Merdeka Fun Walk di Sorok Cafe Seksyen U11, Shah Alam

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

menyambut Hari Kebangsaan ke-66 dengan komuniti SS4B Park Rangers, Petaling Jaya



ANFAAL SAARI
Taman Templer

menyerahkan baucar kepada kepada 150 penduduk sekitar DUN Taman Templer, Ampang Jaya

KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

bergotong royong membersihkan kawasan persekitaran di Bukit Utama 2, Ampang Jaya



LEE KEE HIONG
Kuala Kubu Baharu

memberi cenderahati kepada pelajar cemerlang Persatuan Fui Chiu, Hulu Selangor

DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

meninjau kelancaran sistem perkhidmatan Institut Memandu Surfing Hitech, Hulu Langat



LIM YI WEI
Kampung Tunku

melihat kanak-kanak sempena Hari Kebangsaan anjuran Rukun Tetangga SS2B, Petaling Jaya

DANIAL AL-RASHID HARON
Batu Tiga

mengagihkan Jalur Gemilang di sesen minyak Petron Seksyen 18, Shah Alam



Program jualan murah popular

AMPANG JAYA - Jualan Ehsan Rahmah (JER) antara program meringankan beban rakyat paling popular serta dekat di hati penduduk negeri ini, kata wakil rakyat Lembah Jaya.

Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad atau lebih dikenali sebagai Altimet berkata, jualan murah barangan asas seperti ayam, ikan dan beras itu sentiasa dinantikan orang ramai sejak diperkenalkan kira-kira dua tahun lepas.



"Harga barangan yang ditawarkan murah sehingga menarik kira-kira 500 pengunjung setiap kali ia dianjurkan meskipun pada hari bekerja.

"Sambutan program ini tidak pernah mengecewakan termasuk hari ini. Saya sifatkan program jualan murah ini paling popular, paling dekat di hati rakyat, paling memberi impak," katanya ketika ditemui ketika program JER di Mesra Ria @Pandan Mesra, Ampang Campuran, di

sini pada 4 September.

Beliau berkata program JER berikutnya diadakan di Laman Niaga Ampang Water Front pada 25 September.

"Lokasi itu dipilih kerana berdekatan dengan pusat khidmat DUN Lembah Jaya dan kita gunakan kesempatan yang ada untuk memperkenalkan kepada rakyat supaya mereka tahu lokasi kami.

"Beberapa lokasi lain sedang dipertimbangkan supaya tidak hanya tertumpu kepada satu lokasi kerana mahu berlaku adil kepada semua," katanya.

Tarikan baharu Selangor Fruit Valley

Bina kompleks tanam anggur hibrid

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Ladang buah-buahan tropika Selangor Fruit Valley (SFV) menyediakan tarikan baharu tahun depan berupa pakej lawatan ke ladang anggur dan memetik sendiri buah itu.

Penolong pengurus kanannya memaklumkan kompleks tanaman anggur hibrid sedang dibangunkan di 11 rumah hijau yang menempatkan anak pokok anggur hijau dan merah bagi menajayakan hasrat tersebut.

"Turut disediakan di kompleks berke-

naan ialah kedai cenderahati dan bilik seminar untuk belajar penanaman buah itu selain jualan anggur segar dari ladang," kata Raja Muhammad Faiz Raja Bazaid pada 4 September.

Bagi menambah lagi daya tarikan ke SFV, beliau berkata pihaknya turut bercadang mewujudkan tapak perkhemahan berkonsep dalam ladang untuk menarik lebih ramai pengunjung.

"Kita juga akan mewujudkan tarikan akuaponik yang menggabungkan akuakultur (ternakan ikan air tawar) dan hidroponik (kaedah pertanian berasaskan air)," katanya lagi.

Ladang berkeluasan lebih 1,000 hektar milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) merekod sekitar 60,000 pengunjung sejak Januari lalu.

Dibuka pada 2007, SFV dimajukan sebagai lokasi agropelancongan bagi memodenkan sektor pertanian negeri supaya lebih berdaya maju di samping menjana industri tersebut.

Pelbagai hasil dikeluarkan di ladang tersebut seperti belimbing, jambu batu, rambutan, pulasan, kelapa pandan dan betik selain sayur-sayuran yang boleh dinikmati orang ramai.

Dekati rakyat, selesaikan aduan

KLANG - Wakil rakyat Bandar Baru Klang, Dr Quah Peng Fei mengambil peluang dekati rakyat ketika program Jelajah Ehsan Rahmah (JER) di Dataran Kiosk Masjid Sirajuddin Al-Annuar, Kampung Batu Belah di sini.

Beliau yang baru menyandang kerusi Dewan Undangan Negeri itu memaklumkan beberapa aduan diterima setelah bersemuka dengan penduduk.

"Ketika turun ke sini, saya terima aduan masyarakat antaranya mengenai

banjir serta longkang tersumbat dan kita akan segera mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah ini," katanya pada 3 September.

Teruja melihat sambutan penduduk di JER, Dr Quah mengedar ratusan bendera kepada pengunjung bagi menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan yang diraikan sehingga Hari Malaysia, 16 September.

"Saya lihat setiap kali JER diadakan di DUN Klang, ia sentiasa mendapat

sambutan.

"Setakat ini sudah lebih 20 kali dijalankan di kawasan sekitar dan jumlah pengunjung semakin bertambah.

"Ini satu inisiatif daripada Kerajaan Negeri yang ternyata sangat membantu rakyat Selangor bagi menjimatkan kos sara hidup," katanya.

JER menawarkan harga 30 peratus lebih rendah daripada pasaran bagi membantu penduduk berpendapatan rendah.

RM500,000 baiki flat rosak

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi kerja baik pulih Flat Ampang Hilir yang rosak akibat ribut, bulan lalu.

Wakil rakyat Pandan Indah memaklumkan kerja pembaikan bumbung serta beberapa infrastruktur lain dijangka siap dalam masa terdekat.

"Hari ini saya turun meninjau kerja-kerja pembaikan bumbung yang rosak akibat ribut di Flat Ampang Hilir pada hujung bulan Ogos yang lalu.

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi kerja pembaikan ini. Alhamdulillah, kerja-kerja pembaikan berjalan lancar dan dijangka siap dalam tempoh beberapa minggu lagi," kata Ir Izham Hashim di Facebook pada 6 September.

Menurutnya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Agensi Pengurusan Bencana Negara turut membantu memberi perlindungan sementara kepada penduduk yang terkesan.

"Saya berharap agar penduduk yang terkesan dapat bersabar dengan ujian yang menimpa ketika ini. Insya-Allah, pihak Pusat Khidmat Masyarakat Pandan Indah akan sentiasa membantu dari segi keperluan dan kebajikan," katanya.

Wakil rakyat bersihkan kubur

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Kota Damansara bersama penduduk Kampung Melayu Subang di Kota Damansara bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan pada 3 September.

Izuan Kasim berkata aktiviti bulanan sejak 1998 bertujuan memastikan kawasan bersih dan memudahkan waris untuk melawat kubur ahli keluarga atau saudara-mara.

"Setiap bulan pada Ahad minggu pertama, penduduk berganding bahu memastikan kubur bersih dan tidak ditumbuhi semak samun. Ini juga mengelakkan rasa seram dan takut terhadap kawasan kubur.

"Kita akan pastikan usaha ini akan diteruskan pada masa depan selain mendapat kerjasama lebih ramai penduduk," katanya.

Bantu peniaga terjejas ribut

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Sungai Buloh membantu peniaga Seksyen 8 Kota Damansara yang terjejas akibat ribut pada 28 Ogos lalu.

Datuk R Ramanan menyerahkan sumbangan wang tunai sebagai langkah memastikan peniaga terus beroperasi sekali gus menjamin sumber pendapatan.

"Kejadian ribut menyebabkan barangan niaga seperti khemah dan perkakas lain rosak. Sebab



itu kita ambil inisiatif bantu mereka dengan sumbang sejumlah wang.

"Dengan bantuan ini, mereka boleh membeli atau mengganti peralatan rosak dan terus berniaga seperti biasa. Kita tidak mahu sumber pendapatan mereka terjejas," katanya pada 29 Ogos.

Tambahnya, maklumat peniaga terjejas dikumpul segera membolehkan bantuan segera diberi, sekali gus dapat memudahkan urusan mereka.



SMARTSEL SDN BHD (1222445-V)

PENGUMUMAN - PELANJUTAN TARIKH TUTUP TENDER

RFP SSB/RFP/003-2023
"REQUEST FOR PROPOSAL TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL, CONFIGURE AND MAINTAIN ACCESS POINTS FOR WIFI SMART SELANGOR"

Tarikh tutup penghantaran tender **DILANJUTKAN** daripada

7 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)
sebelum 3.00 petang

kepada
25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
sebelum 3.00 petang

Sila layari laman sesawang <https://www.smartsel.co> untuk info lebih lanjut. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh diajukan melalui e-mel kepada procurement@smartsel.co.

selangorkini



Cerpen, puisi & esei
**HADIAH SASTERA
SELANGOR
2023**

terbit setiap Sabtu dan Ahad
di portal selangorkini.my

Lelaki hina Sultan dipenjara, denda

SHAH ALAM - Seorang lelaki dihukum penjara enam bulan dan denda RM10,000 selepas mengaku bersalah membuat dan menghantar komunikasi jelik terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Hakim Mahkamah Sesyen N Priscilla Hemmalini memerintahkan Mohamad Azlan Ibrahim, 47, dipenjara mulai 6 September dan ditambah tiga bulan lagi jika gagal membayar denda itu.

Penganggur berkenaan dituduh membuat hantaran tersebut atas nama Iman Mustaqim di Facebook pada 28 Ogos dengan niat menyakitkan hati orang lain, lapor Bernama.

Azlan juga didakwa kerana gagal memberi kata laluan akaun Facebook selepas diminta pegawai polis di lokap ibu pejabat polis daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur pada 11.25 pagi 31 Ogos.

Filem Anwar unggul carta Netflix

SHAH ALAM - Kisah perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melawan rasuah mengungguli carta teratas saluran penstriman global Netflix sejak 31 Ogos.

Filem biopik Anwar: The Untold Story lakonan Farid Kamil dan Acha Septriasa pada kedudukan pertama, mengatasi filem The Pope's Exorcist lakonan Russel Crowe, lapor Berita Harian.

Penerbit Eksekutifnya Zulkiflee Anwar Haq atau lebih dikenali sebagai Zunar menganggap pencapaian tersebut petanda positif filem berkenaan diterima masyarakat.

Beliau yang juga penulis skrip filem berkenaan menambah karya tersebut juga akan ditayang di institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai sumber rujukan generasi muda.

Filem arahan pengarah Indonesia Viva Westi itu menyaksikan Farid memegang watak Anwar, manakala Acha membawa watak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail selaku teraju utama.



GEMBIRA...
Skuad bawah 20 tahun Selangor FC mara ke separuh akhir Piala Presiden selepas menewaskan Sri Pahang FC dalam perlawanan di Stadium UM Arena pada 4 September 2023. Foto Facebook Selangor FC

► BERITA MUKA 21

Negeri perluas ekonomi, pelaburan

Pendapatan tinggi dalam lima tahun

Oleh **SOFIA NASIR**

KUALA LUMPUR - Selangor mahu memperluas peluang ekonomi dan pelaburan dalam tempoh lima tahun seterusnya menyediakan pendapatan atau gaji tinggi kepada penduduk negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya situasi tersebut membantu penduduk mempertingkatkan kualiti kehidupan melalui pembinaan masyarakat kelas pertengahan berdaya tahan.

"Sebaik saya memasuki pejabat se-

cara rasmi (selepas dilantik semula), saya tekankan kepada pasukan dan seluruh penjawat awam, kita tidak boleh selesa lagi untuk lima tahun akan datang.

"Kita tidak boleh sekadar duduk diam dan berpuas hati hanya kerana Selangor negeri termaju di Malaysia. Kita perlu terus bekerja kuat untuk kehidupan lebih baik kepada rakyat.

"Persoalannya bagaimana untuk menyusun gerak kerja dan memperbaiki lompang kelemahan bagi memastikan kita berupaya mendepani segala cabaran mendatang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika me-

rasmikan program Selangor E-Commerce Xccelarator 2023 dan Pemecut Selangor edisi 2023 bagi kohort keenam di sini pada 5 September.

Amirudin berkata program itu penting untuk mencapai matlamat Rancangan Selangor Pertama yang dilancarkan lebih setahun lalu seterusnya menjadikan Selangor Negeri Pintar menjelang 2025.

Beliau juga berazam memacu kemajuan negeri dengan memastikan prasarana tersedia setanding negara maju di Asia selain melonjakkan ekonomi digital di Selangor.

pancawarna

Peringati perjuangan mendaulatkan negara

Seruan muhasabah diri sebagai warganegara sempena hari merdeka

9



Ujian Trinititi ubah geopolitik dunia

Projek Manhattan rintis penggunaan bom nuklear dalam perang

11



Senang lepas sulit akibat kedai dipecah

Pinjaman Hijrah bantu usahawan tudung bangkit

15

